2. Jalan Simpang Pelangai-Kg. Baris **(C109)**
3. Jalan Kg. Lengkong **(C111)**
4. Jalan Keselamatan Manchis-Chemomoi **(C120)**
5. Jalan Air Terjun Chamang **(C136)**
6. Jalan Kg. Lebu-Ulu Lebu **(C138)**
7. Jalan Lurah Bilut Bentong **(C149)**
8. Jalan Sum-Sum Hulu Janda Baik **(C190)**
9. Jalan Bukit Tinggi By-Pass
10. Jalan Ulu Chemperoh
11. Jalan Kawasan Dalam Lentang
12. Jalan Loke Yiew Kuil Sikh
13. Jalan Ah Peng
14. Jalan Kg. baharu Sg. Penjuring
15. Jalan Perumahan Kg. Lebu
16. Jalan Benus Jaya Ke Simpang Laluan 02
17. Jalan Kg. Sg. Dua
18. Jalan Kg. Pasir Karak Setia
19. Jalan Kg. Sempa-Teroh
20. Jalan Kg. Paya Pelantar
21. Jalan Kg. Jambu Rias
22. Jalan Kg. Shafie
23. Jalan Kg. Lembah Jaya

Rajah 2-10.1 Rangkaian jalan Daerah Bentong, Tahun 2018



Sumber: Kajian RT Daerah Bentong 2035 (Penggantian), 2018C

PETUNJUK

- Lebuhraya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri


Lain-lain

- Sempadan Daerah
- Sempadan Negeri


Jalan menghubungkan Bandar Bentong menggunakan laluan Lebuhraya Karak (E8) dengan bandar terdekat:

BANDAR-BANDAR TERDEKAT	LEBUHRAYA KARAK (E8)	KM
Kuala Lumpur		71
Pekan Karak		21
Genting Highlands		55
Bukit Tinggi		35
Kuantan		178

Rajah 2-10.2 Laluan Perkhidmatan Bas Henti-Henti di Daerah Bentong, Tahun 2018



PELAN LOKASI



PETUNJUK

Laluan Bas Henti-henti MARA Liner
- Bentong-Kuala Lumpur
- Bentong-FELDA Lurah Bilut
- FELDA Lurah Bilut-Kuala Lumpur
- Bentong-FELDA Mempaga
- Bentong-FELDA Sertik

Laluan Bas Syarikat Central Pahang
- Bentong-Kuala Lumpur
- Bentong-Raub
- Bentong-Simpang Pelangai

Lain-Lain
- Lebuhraya
- Jalanraya
- Sempadan BP
- Sempadan Daerah
- Sempadan Negeri
- Sempadan Antarabangsa

Sumber:
i. IPlan, PLANMalaysia, 2017
ii. Kajian Lapangan Mei 2018, Rancangan Tempatan Daerah Bentong 2035 (Penggantian)

2-11 PELANCONGAN

2-11.1 Matriks penilaian kualiti produk pelancongan Daerah Bentong

1 KATEGORI PELANCONGAN TANAH TINGGI

- ✓ Genting Highlands (28)
- ✓ Bukit Tinggi (Berjaya Hills) (27)
- ✓ Janda Baik (18)

2 KATEGORI PELANCONGAN SEMULAJADI

- ✓ Eko Rimba Lentang (14)
- ✓ Eko Rimba Konifer (14)
- ✓ Gua Cinta Manis (6)
- ✓ Dusun Eco Resort (12)
- ✓ Bentong Happy Farm (20)

3 KATEGORI PELANCONGAN REKREASI

- ✓ Air Terjun Chamang (16)
- ✓ Air Terjun Gapoi (8)
- ✓ Air Terjun Sg Dua (10)
- ✓ Kolam Air Panas Bentong (15)
- ✓ Lata Hammer (15)
- ✓ Bilut Extreme Park (20)


4 KATEGORI PELANCONGAN WARISAN

- ✓ Tokong Chin Swee (23)
- ✓ Tokong Kwong Fook (17)
- ✓ Muzium Felda Lurah Bilut (16)

5 KATEGORI PELANCONGAN AGRO

- ✓ Valley Agro Park (15)
- ✓ Bilut Valley Bee Farm (22)

Rajah 2-11.1 Taburan keseluruhan produk pelancongan Daerah Bentong



Sumber: Kajian RT Daerah Bentong 2035 (Penggantian), 2018


PETUNJUK

- Pelancongan Tanah Tinggi
- Pelancongan Semulajadi
- Pelancongan Agro
- Pelancongan Rekreasi
- Pelancongan Warisan
- Lebuhraya
- Jalan Raya
- Sempadan Daerah
- Sempadan Negeri

PETUNJUK PURATA KESELURUHAN:

Kualiti Tinggi (21-30)	:	Dalam keadaan terselenggara kemas dan teratur / ciri-ciri tarikan
Kualiti Sederhana (11-20)	:	Keadaan fizikal kurang penyelenggaraan / berpotensi / perlu peningkatan aktiviti pelancongan
Kualiti Rendah (0-10)	:	Keadaan fizikal perlu dibaikpulih / ciri-ciri tarikan kurang menyerlah / kurang aktiviti pelancongan / memerlukan tindakan pemulihan

Rajah 2-11.2: Tren kedatangan pelancong ke Daerah Bentong



2-12 REKA BENTUK BANDAR

Rajah 2-12.1 Elemen reka bentuk bandar (Bandar Bentong)



Jadual 2-12.1: Inventori bahan bangunan di Bandar Bentong

BAHAN BINAAN	BILANGAN	PERATUS (%)
Batu	998	95.60
Kayu	31	2.90
Batu dan Kayu	6	0.50
Keluli / *Steel*	8	0.70
JUMLAH	**1043**	**100.00**




Pekan Karak dari Jalan Lama Bentong

PETUNJUK

- Pusat Tumpuan
- Mercu Tanda
- Vista
- Laluan (*Path*)
- Jalan Raya
- Sungai
- Kawasan Lapang
- Institusi dan Kemudahan Masyarakat
- Perniagaan
- Perumahan
- Tanah Lapang

Rajah 2-12.2 Elemen reka bentuk bandar (Bukit Tinggi)



Jadual 2-12.2: Inventori Bahan Bangunan di Bandar Bukit Tinggi

BAHAN BINAAN	BILANGAN	PERATUS (%)
Batu	39	60
Kayu	20	30.8
Batu dan Kayu	0	0
Keluli / *Steel*	6	9.2
JUMLAH	**65**	**100**




Pemandangan dari jalan utama Bukit Tinggi

PETUNJUK

- Gerbang Masuk
- Pusat Tumpuan (*Nodes*)
- Mercu Tanda (*Landmark*)
- Vista
- Laluan (*Path*)
- Jalan Raya
- Sungai
- Hutan
- Kemudahan Masyarakat
- Perniagaan
- Pertanian
- Perumahan

Rajah 2-12.2 Elemen reka bentuk bandar (Pekan Karak)



Jadual B-12.4: Inventori Bahan Bangunan di Pekan Karak

BAHAN BINAAN	BILANGAN	PERATUS (%)
Batu	326	89.8
Kayu	18	4.9
Batu dan Kayu	18	4.9
Keluli / *Steel*	1	0.2
JUMLAH	**363**	**100**



Pekan Karak dari Jalan Lama Bentong

PETUNJUK

- Pusat Tumpuan (*Nodes*)
- Mercu Tanda (*Landmark*)
- Vista
- Laluan (*Path*)
- Jalan Raya
- Sungai
- Central Spine Road (CSR)
- Kawasan Lapang
- Kemudahan Masyarakat
- Perniagaan
- Pertanian
- Perumahan
- Tanah Lapang

2.13 REKREASI DAN LANDSKAP


2-13.1 Hierarki Kawasan Lapang dan Rekreasi

Terdapat empat (4) hierarki kawasan lapang rekreasi di Daerah Bentong yang meliputi kawasan seluas 258.75 hektar pada tahun 2018.



		Tahun 2007	*Tahun 2018*	*Pertambahan Keluasan (+/- Hektar)*	*Pertambahan Keluasan (%)*
01	LOT PERMAINAN	8.18	28.33	20.15	8.53
02	PADANG PERMAINAN	14.24	15.26	1.02	0.43
03	PADANG KEJIRANAN	-	18.65	18.65	7.89
04	TAMAN TEMPATAN	-	15.47	15.47	6.55
05	LAIN-LAIN	-	181.04	181.04	76.60
	JUMLAH	22.42	258.75	236.33	100

Sumber: Kajian RT Daerah Bentong 2035 (Penggantian), 2018

2-13.2 Matriks Penilaian Landskap



Jadual 2-13.1: Matriks Penilaian Landskap

FAKTOR NILAIAN/KAWASAN		DAERAH BENTONG				
		BP1	BP2	BP3	BP4	BP5
Kualiti Alam						
	Badan Air & Saliran	4	3	4	3	3
	Topografi, Tanah dan Geologi	3	3	4	2	2
Tumbuhan						
	Semulajadi	4	4	4	3	2
	Tanaman Hiasan	3	2	3	3	2
	Tanaman Pertanian	3	4	3	4	4
Sirkulasi						
	Kemudahsampaian	4	3	3	3	2
	Sirkulasi Dalaman	3	2	3	2	2
	Pintu Masuk dan Tanda Arah	4	3	3	2	3
Tarikan						
	Sepanjang Tahun	3	2	4	2	2
	Bermusim	2	3	3	2	2
	Nodus (setempat)	3	3	3	2	2
Aktiviti						
	Aktif	3	2	2	2	2
	Pasif	2	2	3	2	2
	Lain-lain	2	2	2	2	2
Anjakan						
	Rizab	3	3	3	3	4
	Zon Penampan	2	3	3	3	4
Penyelenggaraan						
	Landskap Lembut	3	3	4	3	2
	Landskap Kejur	3	2	3	2	2
	Kebersihan	3	3	3	3	3
	Keselesaan	3	3	4	3	3
Potensi						
	Pembangunan Landskap	3	3	4	3	3
	Aktiviti Aktif dan Pasif	2	3	3	3	3
	Sosio, Ekonomi dan Budaya	2	3	3	2	2
	Pemeliharaan	2	2	3	2	2
Halangan						
	Hak Milik Tanah	0	0	0	0	0
	Ekologi/Alam Sekitar	2	2	2	2	2
	Perundangan	0	0	0	0	0
	Kewangan	0	0	0	0	0
	Badan Air & Saliran	**80**	**75**	**88**	**71**	**69**
	JUMLAH (%)	**64.5**	**60.5**	**70.9**	**57.3**	**55.6**

Sumber: Kajian RT Daerah Bentong 2035 (Penggantian), 2018

2.14 PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN


2-14.1 Guna Tanah Pertanian Daerah Bentong Tahun 2018

TAHUN 2018 — ***60,075.40 hektar***

- **Getah** — 27,617.47 Ha
- **Kelapa Sawit** — 29,430.17 Ha
- **Pertanian Campuran** — 2,437.67 Ha
- **Homestead** — 491.87 Ha
- **Perikanan (Akuakultur)** — 15.10 Ha
- **Penternakan** — 18.13 Ha
- **Tanah Tidak Diusahakan** — 65.00 Ha

TAHUN 2007 — ***23, 786.93 hektar***

Rajah 2-14.1 Lokasi projek TKPM Lebu , Projek Agropolitan Chemomoi dan Projek Agropolitan



PETUNJUK

- Zon Akuakultur
- TKPM Lebu
- Pertanian
- Lebuhraya
- Jalan Raya
- Cadangan Jalan
- Central Spine Road (CSR)
- Cadangan Laluan Rail Pantai Timur
- Sempadan Daerah
- Sempadan Negeri





Tanaman di TKPM Lebu

3

ASAS PERANCANGAN

3.1 WAWASAN DAN STRATEGI PEMBANGUNAN RT DAERAH BENTONG 2035, PAHANG (PENGGANTIAN)

3.2 ISU STRATEGIK PEMBANGUNAN DAERAH BENTONG

3.3 ANALISIS SWOT KESELURUHAN DAERAH BENTONG

3.4 KEKUATAN DAERAH BENTONG

3.5 KONSEP DAN STRATEGI PEMBANGUNAN DAERAH BENTONG 2035



3-1 WAWASAN DAN STRATEGI PEMBANGUNAN RT DAERAH BENTONG 2035, PAHANG (PENGGANTIAN)

Strategi dan Cadangan RT Daerah Bentong, Pahang 2035 (Penggantian) akan berlandaskan kepada rangka strategi pembangunan negara, wilayah, negeri dan daerah serta garis panduan yang berkaitan dengan kawasan RT Daerah Bentong, Pahang 2035 (Penggantian). Strategi pembangunan dan dasar ini akan menjadi asas kepada pembentukan strategi pembangunan kajian ini supaya perancangan pembangunan adalah selari dan dapat mencapai matlamat di dalam konteks pembangunan negara dan negeri.



3-1.1 DAERAH BENTONG DALAM KONTEKS RANCANGAN FIZIKAL NEGARA 3

Matlamat RFN3 memfokuskan kepada pencapaian **NEGARA YANG BERDAYA TAHAN DAN BERDAYA HUNI** yang dirangka menerusi tiga teras utama yang menjadi rangka dasar dan strategi iaitu:

1. Pembentukan Komuniti Inklusif dan Berdaya Huni
2. Pertumbuhan Dinamik Bandar dan Luar Bandar
3. Kemampanan Spatial dan Daya Tahan terhadap Perubahan Iklim

Di bawah kemampanan spatial, strategi yang mempunyai hubungkait dengan pembangunan Daerah Bentong adalah:

Strategi KD1.2 : Pengurusan Pembangunan Di Kawasan Sensitif Alam Sekitar

Tindakan KD1.2A: Mengguna pakai rangka kerja KSAS sebagai asas kawalan pembangunan

Genting Highlands – Bukit Tinggi (ketinggian melebihi 1000m) merupakan Kawasan Pengurusan Khas (KPK) yang dibenarkan pembangunan bandar dan pertanian baru di kawasan tanah tinggi (di luar kawasan hutan simpan dan tadahan air). Semua pembangunan dan pertanian di kawasan antara kontur 300m-1,000m hendaklah mematuhi peraturan dan garis panduan sedia ada dan akan datang secara menyeluruh.

Strategi KD1.3 :Meningkatkan Jaminan dan Kelestarian Sumber Air

Tindakan : Pengurusan rizab sungai dan pembangunan sepanjang koridor sungai


Peruntukan rizab sungai yang minimum sepertimana garis panduan Jabatan Pengairan dan Saliran perlu dipatuhi dan selaras dengan itu, sebarang pembangunan atau pembukaan rizab sungai perlu dihadkan. Rancangan Struktur Negeri, Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas di peringkat negeri dan tempatan hendaklah digunakan sebagai dokumen kawalan.

3-1.2 DAERAH BENTONG DALAM KONTEKS DASAR PERBANDARAN NEGARA 2

Dasar Perbandaran Negara 2 (DPN2) disediakan untuk memandu dan menyelaraskan dan pembangunan perbandaran yang mampan dengan menekankan keseimbangan pembangunan fizikal, alam sekitar, sosial dan ekonomi negara.

Matlamat pembangunan DPN2 :

> **"BANDAR YANG MAMPAN UNTUK KESEJAHTERAAN RAKYAT"**



Tiga (3) Bandar Tempatan yang dikenalpasti di Daerah Bentong adalah Bandar Bentong, Bandar Karak dan Bukit Tinggi. Bandar Tempatan adalah bandar pentadbiran atau pusat perkhidmatan perniagaan yang mempunyai populasi bawah 100,000 orang penduduk. Bukit Tinggi juga diklasifikasikan sebagai Bandar Pelancongan, dimana bandar yang mempunyai fungsi dan ciri-ciri khas seperti kedudukan bandar di tanah tinggi yang menjadi tarikan pelancong.



Antara Prinsip berkaitan dengan Daerah Bentong di dalam DPN2 :

PRINSIP 1 : Tadbir Urus Bandar Yang Baik

Strategi 1.2.1: Penentuan sempadan bagi setiap bandar yang dikenalpasti di dalam DPN2
TINDAKAN 1.2.1.1: Mengenalpasti Sempadan Bandar mengikut definisi DPN2

Penentuan *Urban Containment Boundary (UCB)*[1] bertujuan membantu PBT mengawal rebakan bandar, melindungi kawasan pertanian utama dan KSAS, manakala UGB pula bertujuan menentukan had sempadan pembangunan di masa hadapan mengikut potensi setiap bandar.

PRINSIP 2 : Bandar Yang Berdaya Huni

Strategi 2.10.1: Penyediaan Pelan Pengurusan Kawasan Risiko Bencana
TINDAKAN 2.10.1.1: Menyedia dan merangkumkan Pelan Pengurusan Kawasan Berisiko Bencana di dalam setiap Rancangan Tempatan dan pelan Tindakan Khas.

Memastikan pengurusan Kawasan berisiko bencana diambil kira dalam penyediaan Rancangan Tempatan atan Pelan Tindakan Khas bagi mengurangkan risiko bencana alam.

[1] Penentuan *Urban Containment Boundary (UCB)* diaplikasikan di kawasan serakan konurbasi yang telah berkembang luas secara tidak effisen dan menggugat kawasan pertanian negara dan kawasan sensitif alam sekitar. UCB juga perlu diaplikasikan dalam kawasan pembangunan khusus yang dibangunkan berdasarkan spekulasi dan belum digazetkan lagi

3-1.3 DAERAH BENTONG DALAM KONTEKS DASAR PERANCANGAN FIZIKAL DESA NEGARA 2030

DPF Desa Negara 2030 merupakan dasar pembangunan desa yang mengintegrasikan perancangan spatial dan mewujudkan perancangan holistik bagi pembangunan desa. Pernyataan dasar disediakan mengikut tiga tema dan lima teras utama yang saling menyokong pencapaian visi dan matlamat pembangunan desa. Dua teras utama yang mempunyai hubungkait secara langsung dengan Daerah Bentong adalah:

TERAS 1 : Pengurusan Mampan Alam Sekitar Desa

Dasar AD 4: Pengurusan Risiko Bencana yang Efektif
Strategi AD 4.1: Mewujudkan Sistem Pengurusan Risiko Bencana Efektif

Melaksanakan pengurusan guna tanah yang berkesan serta mengawal aktiviti di sepanjang sungai. PBT dan JPS perlu memantau aktiviti-aktiviti yang berlaku di sepanjang sungai yang boleh mengakibatkan hakisan tebing. Justeru, JPS telah menyediakan garis panduan khusus untuk pembangunan melibatkan sungai dan rizab sungai.

TERAS 4 : Memperkasakan Ekonomi Desa

Dasar ED 1: Menstruktur Semula Ekonomi Desa
Strategi ED 1.1: Mempelbagaikan aktiviti ekonomi berdasarkan kelebihan dan keperluan setempat

Mengusahakan projek ekonomi berasaskan sumber tempatan, produk huluan dan hiliran, produk ikonik atau 'niche'.Produk desa yang sesuai diusahakan berdasarkan kekuatan sumber tempatan adalah Masyarakat Orang Asli, Program Inap Desa dan Desa berasaskan pertanian.

Dasar ED 2: Meningkatkan Produktiviti Ekonomi Desa
Strategi ED 2.1: Memajukan kluster ekonomi desa Menambah projek kluster pelancongan eko, agro dan warisan

Sumber jaya pelancongan desa perlu diterokai secara berkelompok untuk memaksimumkan minat pelancong dalam dan luar negeri melawat kawasan yang terlibat berbanding dengan kawasan-kawasan pelancongan yang sedia terkenal. Sumber jaya pelancongan desa ini dapat memberikan hasil pulangan dan pendapatan lumayan.

3-1.4 DAERAH BENTONG DALAM KONTEKS RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PAHANG 2050

Berdasarkan Rancangan Struktur Negeri Pahang 2050, Bandar Bentong dikategorikan sebagai Bandar Tempatan. Kesemua dasar, strategi dan inisiatif pelaksanaan bagi kawasan Daerah Bentong berteraskan kepada pembangunan pelancongan di tanah tinggi dengan mengambilkira pemuliharaan sungai dan kawalan pembangunan tepi sungai. Berikut merupakan ringkasan cadangan RSN Pahang 2050 bagi kawasan Bentong.

Berikut merupakan dasar berkaitan dengan Daerah Bentong di dalam RSN Pahang 2050 :

RSC-DG1 : Pembangunan Guna Tanah Pemangkin Ekonomi Negeri
STRATEGI DG1-S1

RSC-DS1 : Lonjakan Sektor Ekonomi Ke Arah Negeri Maju Berpendapatan Tinggi
STRATEGI RSC-DS1

RSC-DL1 : Melestarikan Produk-produk Pelancongan Untuk Kesejahteraan Manusia Dan Alam Sekitar
STRATEGI RSC-DL1

RSC-DL1 : Negeri Pahang Sebagai Hab Pelancongan dan Perkhidmatan di Peringkat Wilayah Nasional dan Serantau.
STRATEGI RSC-DL1

RSC-DL3 : Memantap Dan Mempertingkat Prasarana Pelancongan Bertaraf Tinggi
STRATEGI RSC-DL3

RSC-DG1 : Pembangunan Guna Tanah Pemangkin Ekonomi Negeri

STRATEGI DG1-S1:
Pelan Pembangunan Guna Tanah Draf RSN Pahang 2050 perlu menjadi asas untuk memandu pertumbuhan ekonomi negeri.

INISIATIF PELAKSANAAN G1S1 – P2:
Menggalakkan pembangunan Bandar berasaskan fungsi khusus : Pusat pelancongan – Janda Baik

RSC-DS1 : Lonjakan Sektor Ekonomi Ke Arah Negeri Maju Berpendapatan Tinggi.

STRATEGI DS1-S1:
Memacu Pertumbuhan Ekonomi Negeri Pahang ke arah Negeri Maju.

INISIATIF PELAKSANAAN S1S1 – P1:
Menjana KDNK Negeri Pahang melalui :
- Pelancongan bertaraf global melalui penyenaraian UNESCO, Pemeliharaan Kawasan Tanah Tinggi, Pemuliharaan dan Pengukuhan Kawasan bersempadanan.

RSC-DL1 : Melestarikan Produk-produk Pelancongan Untuk Kesejahteraan Manusia Dan Alam Sekitar

STRATEGI DL2-S1:
Menggalakkan Pengurusan Produk Pelancongan Lestari

INISIATIF PELAKSANAAN G1S1- P2:
Pembangunan pelancongan berasaskan alam semulajadi hendaklah tidak melebihi daya tampungan supaya tidak menjejaskan ekologi serta keindahan alam semula jadi.

RSC-DL1 : Negeri Pahang Sebagai Hab Pelancongan dan Perkhidmatan di Peringkat Wilayah Nasional dan Serantau.

STRATEGI DL1-S1:
Memperkukuh pembangunan pelancongan berasaskan kepada tiga zon utama iaitu Zon Tanah Tinggi, Zon Semula Jadi dan Zon Pesisiran Pantai / Pulau bagi menjadikan Negeri Pahang Sebagai destinasi pelancongan sepanjang tahun.

INISIATIF PELAKSANAAN L1S1-P1:
Pelancongan Berasaskan Zon Pelancongan Tanah Tinggi – Merangkumi Kawasan Tanah Tinggi Dari Daerah Cameron Highlands, Raub Hingga Ke Daerah Bentong.

INISIATIF PELAKSANAAN L1S1-P12:
Showcase Perkampungan Budaya di Negeri Pahang – memperkenalkan kawasan kampung tradisional sedia ada sebagai '*showcase*' untuk menarik pelancong tempatan dan asing.

RSC-DL1 : Negeri Pahang Sebagai Hab Pelancongan dan Perkhidmatan di Peringkat Wilayah Nasional dan Serantau.

STRATEGI DL1-S2:
Memperkukuhkan dan Menaik Taraf Negeri Pahang Sebagai Destinasi Utama Eko Pelancongan Bertaraf Antarabangsa.

INISIATIF PELAKSANAAN L1S2-P2:
Mewujudkan Great Walk dengan konsep Jejak Alam Semula Jadi bagi produk ekopelancongan Negeri Pahang.

INISIATIF PELAKSANAAN L1S2-P7:
Keindahan dan kebersihan sungai di Janda Baik perlu dijaga dan dipelihara secara lestari sebagai tarikan pelancongan.
- ❖ Perlu mengenal pasti zon penampan bagi memastikan sungai sentiasa mampan dan terpelihara;
- ❖ Memperketatkan syarat-syarat kelulusan pembangunan hotel/chalet/resort di tepi sungai di Janda Baik;
- ❖ Menguatkuasakan undang-undang dengan mengenakan denda kepada individu yang mencemarkan sungai;
- ❖ Kempen kesedaran akan kepentingan sungai sebagai *biodiversity* untuk pelancongan; dan
- ❖ Menyediakan Spatial Management Plan (SMP) dalam bentuk Rancangan Kawasan Khas (RKK) di bawah Akta 172, yang merangkumi garis panduan pembangunan, nisbah plot, densiti yang dibenarkan, sebagai langkah penting dalam memelihara dan memulihara alam semulajadi di Janda Baik daripada terjejas.

INISIATIF PELAKSANAAN L1S2-P12:
Mempromosi Bentong sebagai '*Fresh Air Lung Washing*'

RSC-DL3 : Memantap Dan Mempertingkat Prasarana Pelancongan Bertaraf Tinggi

STRATEGI DL3-S1:
Mengukuhkan Kemudahan Sokongan Pelancongan.

INISIATIF PELAKSANAAN L3S1-P6:
Menggiatkan promosi dan kelainan aktiviti bagi produk Pelancongan Budaya.
- ❖ Memantapkan pelancongan budaya Negeri Pahang dengan Program Homestay, dan
- ❖ Melibatkan penduduk di perkampungan budaya iaitu Perkampungan Orang Asli dengan aktiviti pelancongan tahunan.

Jadual 3-1: Ringkasan cadangan RSN Pahang 2050

TERAS	SEKTORAL	CADANGAN
SPATIAL	***Pengangkutan dan Jalan Raya***	• Mengkaji dan mengukuhkan Bentong sebagai stesen perhentian ECRL dan melaksanakan konsep TOD • Naik taraf Jalan Utama Mempaga FT1498, Bentong • Cadangan Jalan Lingkaran Bandar Bentong • Naik taraf Jalan Persekutuan 68 (Bentong – Genting Sempah) • Mengkaji dan mewujudkan *Bus Rapid Transit (BRT*)
	Infrastruktur dan Utiliti	• Penyediaan Pelan Induk Sistem Saliran di Bandar Bentong • Melaksanakan rancangan tebatan banjir bagi menangani ancaman banjir terutama di kawasan tumpuan dan kawasan terdedah banjir • Mengkaji kemungkinan pengambilan sumber air bawah tanah bagi memenuhi keperluan domestik di masa hadapan sebagai alternatif kepada program-program bekalan air semasa • Membangun dan melaksana pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (*Integrated River Basin Management*) bagi setiap lembangan sungai • Menggalakkan penyediaan laluan elektrik bawah tanah *(Common Trenching System)* • Mengaplikasikan teknologi sistem kumbahan biomekanikal dan loji rawatan mesra alam (bioteknologi) • Menyediakan tapak bagi cadangan loji rawatan kumbahan baharu di Bentong • Penyediaan kemudahan jalur lebar berkelajuan dan berteknologi tinggi • Tapak pelupusan sampah menggunakan kaedah *Material Recovery Facilities* (MRF) • Menyediakan sistem amaran gempa bumi
MAJU	***Perindustrian***	• Memperkasakan Lebu sebagai Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) • Mengawal dan menguruskan perindustrian Burung Walit • Mengukuhkan kluster berasaskan kayu dan IKS, getah dan perkhidmatan, kluster elektrik dan elektronik, kluster kimia dan logistik, • Memperkasakan kluster pemprosesan makanan dan PKS • Mengukuhkan pembangunan kawasan perindustrian Bentong • Menguruskan dan menaik taraf Bentong sebagai stesen penumpang dan kargo dalam jajaran Jajaran Rel Pantai Timur.
	Pertanian	• Projek Agropolitan Chemomoi • Mengekalkan zon pertanian sedia ada dan peningkatan produktiviti terutama berkaitan makanan dan buah-buahan • Mengukuhkan pengeluaran komersial bunga keratan,tanaman hiasan dan sayur-sayuran • Pengeluaran komersial ekstrak herba terpiawai • Peningkatan produktiviti tanaman komoditi utama.
	Pelancongan	• Mengukuhkan pelancongan Fraser's Hill, Genting Highlands, Bukit Tinggi dan Janda Baik sebagai zon pelancongan utama tanah tinggi dan eko-pelancongan • Memperkukuhkan penjenamaan Daerah Bentong sebagai bandar pelancongan antarabangsa • Mewujudkan dan melaksanakan Pelan Induk Laluan Basikal dan Pejalan Kaki di kawasan Bandar Bentong dan kawasan pelancongan utama • Mewujudkan *Pahang Great Walk* dan *Pahang Great Cycle Route* • Melibatkan penduduk di perkampungan budaya iaitu perkampungan tradisional.

sambungan

TERAS	SEKTORAL	CADANGAN
SEJAHTERA	***Perumahan***	Unjuran perumahan • **2020 :** 34,486 • **2030 :** 40,571 • **2040 :** 45,236 • **2045 :** 46,554 • **2050 :** 49,963
	Kemudahan	Unjuran kemudahan • Sekolah Menengah : 23 • Sekolah Rendah : 68 • Hospital : 2 • Klinik kesihatan : 10 • Balai polis : 8 • Pondok polis : 19 • Balai Bomba : 4
	Rekreasi dan Sukan	• Menyediakan kemudahan rekreasi dan sukan mencukupi • Mewujudkan 2 unit taman bandaran dan 3 unit taman tempatan
LESTARI	***Alam Sekitar***	• Menjaga dan memelihara kawasan yang menjadi sumber warisan geologi Negeri Pahang di Daerah Bentong (Air Terjun Chamang, Bukit Chinta Manis, Kolam Air Panas) • Memastikan pengurusan Bukit Tinggi-Janda Baik bagi melindungi kawasan ini di samping menjana ekonomi melalui eko-pelancongan berimpak rendah dan penyelidikan pelancongan • Memastikan dan menentukan bilangan pelancong *(carrying capacity)* yang boleh melawati tapak pelancongan warisan terutama tapak warisan semula jadi KSAS oleh agensi terlibat • Memastikan kelestarian kawasan KSAS termasuk kawasan empangan dan loji rawatan air/punca bekalan air

Jadual 3-2: Senarai cadangan-cadangan utama dalam RSN Pahang 2050c

Cadangan Jalan Baharu dan Naik Taraf Jalan	▪ Naik Taraf Jalan Utama Mempaga ▪ FT1498, Bentong ▪ Cadangan Jalan Lingkaran Luar Bandar Bentong	▪ Naik Taraf Jalan Persekutuan 68 (Bentong – Genting Sempah)	
Produk Pelancongan	▪ Genting Highlands ▪ Bukit Tinggi ▪ Janda Baik ▪ Gua Cinta Manis ▪ Gunung Rajah ▪ Hutan Lipur Lentang	▪ Caravan Serai ▪ Kechara Wellness Resort ▪ Muzium Felda Lurah Bilut ▪ Air Terjun Chamang ▪ Suria Hot Spring Resort ▪ Halia Bentong	▪ GY Happy Farm ▪ Tanah Aina Resort ▪ Lemang To'ki ▪ Durian Musang King ▪ Nangka Madu ▪ Lata Hammer
Inventori Bangunan Warisan	▪ Tokong Kwong Fook ▪ Tokong Si Ya ▪ Pejabat Pos Bentong ▪ Rumah Rehat Kerajaan	▪ Dewan Perhimpunan Cina Bentong (Chinese Town Hall)	▪ Felda Lurah Bilut ▪ Kampung Janda Baik ▪ Balai Polis Bentong

Sumber: RSN Pahang 2050

3-1.5 DAERAH BENTONG DALAM KONTEKS PELAN STRATEGIK DAN PROGRAM TRANSFORMASI EKONOMI NEGERI PAHANG 2016-2020

Beberapa strategi utama yang diadaptasi dalam Pelan Strategik dan Program Transformasi Wkonomi Negeri Pahang 2016-2020 adalah berkaitan:



3-1.6 DAERAH BENTONG DALAM KONTEKS PROGRAM PELANCONGAN NEGERI PAHANG (TOURISM PAHANG)

Tourism Pahang banyak menganjurkan program pelancongan Negeri Pahang termasuklah *Revisit Pahang Malaysia 2018* dengan 20 lokasi pelancongan dan 57 akiviti pelancongan sepanjang tahun 2018 termasuklah Bentong yang terletak di dalam kawasan yang mempunyai tanah tinggi. Tourism Pahang juga telah memperkenalkan aplikasi Visit Pahang untuk dimuat turun dan digunakan oleh sebagai panduan dan informasi kepada pelancong.

Senarai tempat tarikan pelancong

- Air Terjun Chamang
- Air Panas Bentong
- Hutan Lipur Lentang
- Kampung Stay Felda Lurah Bilut
- Valley Agro Park
- Lata Hammer
- Bilut Valley Farm
- Kolam Air Panas Bilut *Extreme Park*
- Tokong Shin Swee
- Air Terjun Sg. Dua
- Gua Cinta Manis
- Hutan Lipur Janda Baik
- Air Terjun Sg. Gapai

3-1.7 PEMBENTUKAN STRATEGI PEMBANGUNAN DALAM KONTEKS INDIKATOR KEMAMPANAN DI PERINGKAT GLOBAL

3-1.7(A) NEW URBAN AGENDA (NUA)

New Urban Agenda ini telah diterima pakai oleh 170 buah Negara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu semasa persidangan Habitat III di Quito, Ecuador dan menggariskan wawasan yang sama dan standard untuk pembangunan bandar menjelang tahun 2030 atau melangkaui sehingga tahun 2050.

NUA menggariskan lima aspek utama yang akan menjadi standard pembangunan bandar dalam tempoh 30 tahun akan datang. Antara aspek lain yang digariskan dalam NUA ialah struktur tadbir urus, inklusif sosial, pembangunan spatial, kemakmuran bandar dan kelestarian persekitaran.



Di Malaysia, lima aspek utama yang akan menjadi standard pembangunan bandar dalam tempoh 30 tahun akan datang.



3-1.7(B) SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDGs)

Sustainable Development Goals menggariskan 17 matlamat dan 169 sasaran yang ingin dicapai menjelang tahun 2030. SDGs adalah kesinambungan daripada Matlamat Pembangunan Millennium (*Millennium Development Goals* - MDGs) dan merangkumi semua isu pembangunan mampan.

Pelaksanaan kesemua matlamat akan memberi cabaran besar kepada pelbagai peringkat agensi dan jabatan kerajaan di seluruh negara dalam tempoh 15 tahun akan datang dalam melaksanakannya di peringkat tempatan. RT Daerah Bentong, Pahang 2035 (Penggantian) akan mengambilkira matlamat SDGs terutamanya matlamat ke sebelas iaitu *Sustainable Cities and Communities* ke arah melaksanakan pembangunan mampan.

Sustainable Development Goals





MAKE CITIES AND HUMAN SETTLEMENTS INCLUSIVE, SAFE, RESILIENT AND SUSTAINABLE

Cadangan pembangunan Rancangan Tempatan Daerah Bentong,Pahang 2035 (Penggantian) akan tertumpu kepada pencapaian SDGs 11 yang menekankan konsep bandar dan komuniti mampan.

3-2 ISU DAN CABARAN DAERAH BENTONG

Berdasarkan kepada analisis serta sesi *Focus Group Discussion* 1 dan 2 yang telah diadakan, berikut merupakan isu, masalah dan potensi pembangunan Daerah Bentong yang telah dirmuskan di dalam bentuk SWOT.

KEKUATAN (STRENGTH)

- ✓ Terdapat kawasan HSK seluas 82,766.16 hektar yang menyediakan kepelbagaian biologi di mana ia menawarkan banyak perkhidmatan ekosistem kepada persekitaran.
- ✓ Mempunyai lokasi pelancongan yang kaya dengan sumber alam semulajadi dan destinasi pelancongan tanah tinggi.
- ✓ Daerah Bentong mempunyai rangkaian jalan raya wilayah yang baik.
- ✓ Lokasi Daerah Bentong yang terletak berhampiran ibu kota dan laluan utama Pantai Timur mampu menjadikan identiti Bandar Bentong sebagai satu bandar transit utama dalam negara.
- ✓ Terdapat kawasan kesediaan tanah yang sesuai untuk pembangunan perumahan masa hadapan.
- ✓ Kedudukan rangkaiaan sungai yang berada jauh dari kawasan tepubina dan *availability of space* untuk memudahkan mendapat ruang bagi program pembangunan dan penyelenggaraan sungai.

KELEMAHAN (WEAKNESS)

- ✓ Berlaku penerokaan kawasan sesnsitif alam sekitar (KSAS) untuk aktiviti pertanian di kawasan tanah tinggi.
- ✓ Kepelbagaian aset eko dan agro pelancongan yang belum dieksploitasikan sebagai sumber tarikan pelancongan di Daerah Bentong.
- ✓ Sistem aliran trafik dalam bandar yang kurang efisien khususnya pada waktu-waktu puncak dan musim-musim perayaan.
- ✓ Ketiadaaan identiti bandar yang jelas dan rupa bentuk dan imej bandar perlu ditingkatkan melalui pelbagai program pengindahan dan penyediaan kemudahan rekreasi dan sukan.
- ✓ Kekurangan penyediaan perumahan khususnya perumahan mampu milik kepada penduduk tempatan di kawasan tumpuan penduduk.

PELUANG (OPPORTUNITY)


- ✓ Sebanyak 63,412.37 hektar kawasan kesediaan tanah yang sesuai untuk pembangunan untuk masa hadapan.
- ✓ Lokasi Daerah Bentong yang terletak berhampiran ibu kota dan laluan utama Pantai Timur mampu menarik perhatian ramai pelancong domestik dan antarabangsa yang menyediakan udara bersih untuk kesihatan (*Fresh Air Lung Washing).*
- ✓ Cadangan pembinaan jalan baru seperti jalan pintas Bentong, jalan penghubung Bandar Bentong ke Felda Mempaga yang boleh meningkatkan tahap aksesibiliti di kawasan berkenaan.
- ✓ Kepelbagaian ciri fizikal dan alam semulajadi boleh mempertingkatkan identiti dan imej Daerah Bentong ke arah bandar mampan.
- ✓ Tekanan pembangunan semasa dan masa hadapan di kawasan bersebelahan terutamanya limpahan daripada pembangunan Lembah Klang (*Greater Klang Valley*) dijangka akan meningkatkan potensi pembangunan perumahan di Daerah Bentong sebagai sebuah Bandar Transit dan pintu masuk utama (*gateway*) ke Pantai Timur.

ANCAMAN (THREAT)

- ✓ Kedapatan tanah untuk kawasan berpotensi untuk pembangunan adalah terhad disebabkan kedapatan kawasan KSAS dan tanah tinggi.
- ✓ Pola pembangunan daerah yang berbentuk *pocket development* dan halangan fizikal mukabumi menyebabkan *delivery system* untuk perkhidmatan utiliti menghadapi masalah untuk sampai kepada sasaran permintaan.

3-3 RUMUSAN ISU STRATEGIK PEMBANGUNAN DAERAH BENTONG

Berikut merupakan rumusan isu strategik Daerah Bentong yang di ambilkira di dalam pembentukan konsep dan strategi pembangunan.



3-4 KEKUATAN DAERAH BENTONG

5

KEKUATAN DAERAH BENTONG

Berikut merupakan kekuatan Daerah Bentong yang di ambilkira di dalam pembentukan konsep dan strategi pembangunan:

Kedudukan Daerah Bentong yang berhampiran dengan Lembah Klang	Mempunyai Kawasan Tanah Tinggi dan Hutan Semulajadi	Mempunyai Pertanian Tanah Tinggi dan Produk Berkualiti Hasil Pertanian	Tahap Kemudahsampaian Yang Baik	Pusat Pelancongan Tanah Tinggi Bertaraf Antarabangsa
• Kedudukan Daerah Bentong yang berhampiran dengan Lembah Klang merupakan aset penting kerana ia menerima kesan limpahan dari pembangunan pesat Lembah Klang. • Terdapat pengusaha dan pelabur yang masuk ke Daerah Bentong untuk terlibat dalam sektor pertanian dan hartanah.	• Kawasan tanah tinggi dan hutan semulajadi menawarkan destinasi pusat eko pelancongan baharu dalam Daerah Bentong. • Kawasan hutan lipur, kawasan air terjun, sumber air panas, penerokaan gua, taman agro dan taman ekstrim menawarkan kepelbagaian aktiviti pelancongan eko dan rekreasi kepada pengunjung yang datang. • Pengiktirafan Daerah Bentong sebagai kawasan *'Air Fresh Lung Washing'*.	• Pertanian tanah tinggi juga menjadi aset penting dalam memperkenalkan Daerah Bentong kepada dunia luar. • Produk seperti Halia Bentong mempunyai kualiti tinggi dan diekspot keluar negara serta hanya boleh didapati di Daerah ini di Malaysia. • Tanaman buah buahan seperti durian berkualiti juga boleh menjadikan Daerah Bentong sebagai daerah pengeluar buah durian terbaik.	• Daerah Bentong telah mempunyai tahap kemudahsampaian yang baik melalui Lebuhraya Karak dan Lebuhraya Pantai Timur. • Pembinaan Jalan *Central Spine Road,* jalan hubungan Bentong ke Mempaga dan cadangan Jajaran Keretapi Pantai Timur akan meningkatkan lagi tahap aksesibiliti ke Daerah Bentong dari Kuala Lumpur dan Kuantan.	Antaranya seperti: i) Genting Highlands ii) Janda Baik iii) Bukit Tinggi (Berjaya Hills) • Ramai pelancong antarabangsa dan domestik yang mengunjungi Genting Highland, Berjaya Hill (Bukit Tinggi) dan Janda Baik boleh turut mengunjungi kawasan lain dalam Daerah Bentong jika terdapat pakej pelancongan yang sesuai dan menarik.

3-5 KONSEP DAN STRATEGI PEMBANGUNAN DAERAH BENTONG 2035

3-5.1 PENDAHULUAN

Pembentukan Konsep dan Strategi Pembangunan RT Daerah Bentong, Pahang 2035 (Penggantian) dibuat setelah mengambil kira input dan analisis kajian sektoral yang telah dijalankan. Semua pandangan dan cadangan dari pihak pihak berkepentingan serta dasar-dasar diperingkat negara, wilayah, negeri dan agenda global diambil kira dalam merangka konsep dan strategi pembangunan.

Konsep dan strategi pembangunan ini akan menilai potensi dan kekuatan Daerah Bentong dalam memacu pembangunan dan perubahan guna tanah menjelang tahun 2035. Strategi dan konsep pembangunan merupakan kerangka pembangunan Daerah Bentong sehingga tahun 2035. Strategi pembangunan ini termasuk strategi pembangunan guna tanah, pengangkutan, alam sekitar dan lain-lain.

Strategi ini seterusnya diterjemahkan ke dalam perancangan fizikal melalui pembentukan konsep. Pelan konsep, strategi dan halatuju pembangunan yang dicadangkan akan menjadi asas kepada pembentukan Pelan Pengezonan Guna Tanah dan Peta Cadangan bagi Rancangan Tempatan Daerah Bentong, Pahang 2035 (Penggantian).

3-5.2 PARAMETER PEMBENTUKAN KONSEP DAN STRATEGI PEMBANGUNAN

Pembentukan Konsep dan Strategi Pembangunan RT Daerah Bentong, Pahang 2035 (Penggantian) diasaskan kepada tujuh parameter utama.



DAERAH BENTONG SEBAGAI DAERAH LESTARI, BERDAYA HUNI DAN BERDAYA TAHAN

V I S I

A-3.2.1 Visi dan Matlamat Pembangunan Daerah Bentong

Aspek berdaya huni dan berdaya tahan akan membentuk sebuah bandar yang ceria, *vibrant/ energetic* dengan pelbagai aktiviti ekonomi serta persekitaran fizikal yang segar, menarik dan selamat. Ianya juga akan memberi keutamaan kepada persekitaran bandar yang berdaya tahan dari aspek kesediaan menghadapi bencana dan pembangunan terancang fizikal bandar. Pembangunan secara mampan akan sentiasa menjadi teras keutamaan samada melibatkan pembangunan kawasan perbandaran, pertanian, pelancongan atau sebarang aktiviti ekonomi yang memberi impak kepada kelestarian alam sekitar.

MATLAMAT

“Menjadikan Daerah Bentong sebagai sebuah daerah yang terancang, berdaya saing dan berdaya maju selari dengan arus pembangunan negara dan negeri”

DASAR-DASAR DI PERINGKAT NEGARA, WILAYAH, NEGERI DAN AGENDA GLOBAL

RFN 3


Antara fokus dasar dalam **RFN3** adalah negara berdaya tahan yang bermaksud negara yang mampu menangani risiko bencana alam, perubahan iklim, alam semulajadi dan sosial. Manakala istilah berdaya huni menyentuh peningkatan kualiti persekitaran yang mampu menjana komuniti sejahtera dan inklusif.

DPN 2

DPN2 pula merupakan dasar yang akan memandu dan menyelaras perancangan pembangunan serta pentadbiran perbandaran agar menjadi lebih efisien dan sistematik dengan penekanan terhadap keseimbangan pembangunan sosial, ekonomi serta fizikal. DPN 2 juga menyentuh cabaran cabaran baharu yang memerlukan satu perancangan dan pengurusan bandar agar lebih sistematik, menangani isu rebakan bandar serta penetapan sempadan bandar.

DPF Desa Negara 2030

DPF Desa Negara pula merupakan dasar pembangunan desa di Malaysia berbentuk spatial, bertujuan untuk mewujudkan perancangan holistik bagi pembangunan desa di Malaysia. Dasar dasarnya menggalakkan proses kebangkitan semula desa (*rural rebound*) dengan mensasarkan perubahan yang positif bagi kawasan desa dengan menjadikan desa sebagai tempat tinggal pilihan



NUA & SDGs

Dasar-dasar di peringkat **Agenda Global** juga akan diambilkira dan diterjemahkan juga di peringkat daerah antaranya seperti New Urban Agenda (NUA) dan *Sustainable Development Goals* (SDGs).

RSN Pahang 2050


RSN Pahang 2050 (Kajian Semula) telah menggariskan dasar dasar strategik dan cadangan guna tanah fizikal secara makro bagi Negeri Pahang. Dasar dasar RSN yang melibatkan Daerah Bentong akan diambil kira dalam merangka Konsep dan Strategi Rancangan Tempatan Daerah Bentong 2035 (Penggantian), Pahang

3-6 KONSEP PEMBANGUNAN RANCANGAN TEMPATAN DAERAH BENTONG,PAHANG 2035 (PENGGANTIAN)

Konsep pembangunan tertempu dan terpilih di kawasan keutamaan pembangunan akan menjadi rangka kepada pembangunan spatial dalam RT Daerah Bentong, Pahang 2035 (Penggantian). Keutamaan kawasan pembangunan akan tertumpu di pusat-pusat tempatan terpilih seperti kawasan pelancongan tanah tinggi dan kawasan-kawasan eko pelancongan baru yang menjadi aset kepada daerah Bentong.

Penumpuan kutamaan di kawasan terpilih ini akan dapat mengurangkan kesan dari limpahan pembangunan ke kawasan sensitif alam sekitar, isu rebakan bandar dan keupayaan untuk menyediakan kemudahan infrastruktur dan utiliti secara berjajar. Pembukaan kawasan pembangunan baru diberi keutamaan di kawasan potensii pembangunan secara bertumpu serta mampu menyokong cadangan pembesaran kawasan perumahan, pelancongan, perniagaan, industri dan kemudahan awam.

KONSEP PEMBANGUNAN BERTUMPU DAN TERPILIH



3-6.1 PEMBAHAGIAN ZON PEMBANGUNAN DAN CADANGAN RANGKAIAN JALAN DALAM PELAN KONSEP PEMBANGUNAN



5 **Zon pembangunan utama**

Pelan Konsep Rancangan Tempatan Daerah Bentong, Pahang 2035 dibentuk setelah semua aspek analisis dan parameter diambil kira bagi memastikan pembangunan Daerah Bentong selari dengan dasar perancangan semasa. Potensi dan kekuatan daerah di kenalpasti bagi membentuk satu perancangan pembangunan yang lestari, seimbang dan terkawal. Ianya juga adalah selaras dengan hasrat membentuk sebuah daerah yang berdaya maju, berdaya tahan dan pada masa yang sama mengekalkan ciri-ciri kehijauan dan semulajadinya.



ZON PENGEKALAN KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR

Zon ini akan tertumpu di Mukim Bentong dan Mukim Sabai dimana terdapatnya Kawasan Sensitif Alam Sekitar, warisan, bencana dan sokongan hidup.

Hutan simpan kekal yang berkeluasan hampir 82,766.16 hektar. Lain lain kawasan yang terlibat termasuklah kawasan hutan taman eko rimba, kawasan tanah tinggi, kawasan dalam zon sesar gempa bumi dan kawasan tadahan air.

Diantara kawasan yang terlibat dalam zon ini adalah 10 kawasan iaitu:.

- ✓ HSK Bukit Tinggi
- ✓ HSK Bukit Tinggi (Tambahan)
- ✓ HSK Lentang
- ✓ HSK Bukit HSK Lentang (Tambahan)
- ✓ HSK Kemasul
- ✓ HSK Kemasul (Tambahan)
- ✓ HSK Klau/ Raka
- ✓ HSK Klau/ Raka (Tambahan)
- ✓ HSK Batu Beras
- ✓ HSK Lakum (Tambahan)

ZON PERTANIAN PRODUKTIF

Dengan adanya pelbagai tanaman tanah tinggi yang berkualiti., Daerah Bentong berpotensi untuk dimajukan sebagai

"Daerah Hasil Pertanian Baik Negara"

Agensi seperti Felda, Felcra dan Risda memainkan peranan penting dalam memajukan dan meningkatkan produktiviti tanaman komoditi dalam daerah ini. Daerah Bentong juga terkenal dengan tanaman halia berkualiti tinggi.

Manakala tanaman durian juga mempunyai potensi yang baik untuk dimajukan lagi. Sebahagian kawasan ladang dan dusun disini boleh dijadikan sebagai sebahagian pakej pelancongan desa untuk pengunjung yang datang ke Daerah Bentong.



ZON KORIDOR PERBANDARAN UTAMA

Merupakan kawasan dimana pembesaran kawasan perumahan, perniagaan, perindustrian, kemudahan masyarakat dan kemudahan infrastruktur dan utiliti akan diberi keutamaan. Ianya akan melibatkan kawasan potensi pembangunan tahap 1 dan 2 disepanjang kawasan koridor pembangunan utama, sekunder dan tertiari. Jajaran laluan *Central Spine Road*, jalan hubungan Bentong ke Mempaga serta cadangan Jajaran Keretapi Pantai Timur akan membuka koridor kawasan berpotensi untuk pembangunan pada masa hadapan.

Pembangunan bandar secara tertumpu dan terkawal akan diberi keutamaan bagi Bandar Bentong, Karak dan Bukit Tinggi. Penggunaan tanah bandar secara optimum akan diberi keutamaan bersesuaian dengan had tampungan bandar. Manakala pembangunan pusat pusat kecil seperti Janda Baik, Mempaga, Sungai Dua, Kg Lebu, Simpang Pelangai, Telemong dan Manchis akan meningkatkan fungsinya sebagai pusat perkhidmatan setempat.

Zon koridor perbandaran utama ini terdiri dari pada:

U — KORIDOR PEMBANGUNAN UTAMA

U1: Koridor Bentong - Lurah Bilut
U2: Koridor Bentong – Sungai Dua- Karak
U3: Koridor Bentong – Ketari – Bukit Tinggi
U4: Janda Baik – Bukit Tinggi

S — KORIDOR PEMBANGUNAN SEKUNDER

S1: Koridor Bentong – Mempaga
S2: Koridor Mempaga – Lurah Bilut

T — KORIDOR PEMBANGUNAN TERTIARI

T1: Koridor Karak - Telemong
T2: Koridor Telemong – Manchis – Simpang Pelangai



- ✓ Genting Highlands Resort
- ✓ Bukit Tinggi (Berjaya Hill Resort)
- ✓ Janda Baik

Ketiga tiga kawasan ini melibatkan kawasan hampir ***7,000*** hektar dan terletak di Mukim Bentong bahagian timur Daerah Bentong.

Perancangan untuk meningkatkan kemudahan dan menaiktaraf pusat-pusat pelancongan tanah tinggi ini dijangka akan meningkatkan lagi kemasukan pelancong domestik dan antarabangsa ke Daerah Bentong pada masa hadapan. Pembesaran dan peningkatan kemudahan untuk pelancong di Genting Highland akan meningkatkan fungsi Daerah Bentong sebagai pusat pelancongan tanah tinggi bertaraf antarabangsa. Pelan Induk Pelancongan Genting Highlands menyasarkan kemasukan 30 juta pelancong menjelang tahun 2025. (Genting Malaysia Berhad)

Manakala Berjaya Hills Resort juga akan dibangunkan mengikut Pelan induk pembangunannya dalam tempoh 10 tahun akan datang. Kawasan zon peranginan dan pelancongan eko Janda Baik semakin banyak menarik kedatangan pelancong. Tren semasa menunjukkan terdapat peningkatan dalam pembinaan hotel,chalet dan 'homestay' di kawasan ini.

Matlamat Pembangunan Janda Baik

Mengukuhkan Peranan Janda Baik Sebagai Destinasi Retreat dan Pelancongan Eko yang Mampan Bertaraf Antarabangsa

6 Fokus pembangunan

- Destinasi Pelancongan Eko Antarabangsa
- Kehidupan Pintar
- Pembangunan Hijau, Berdaya Tahan dan Mampan
- Beridentiti dan Menarik
- Berdaya Maju
- Urus Tadbir yang Efektif



ZON PELANCONGAN TANAH TINGGI



Cadangan jalan baharu seperti laluan ***Central Spine Road*, Bentong Bypass**, **Cadangan Jajaran Keretapi Pantai Timur** dan naiktaraf jalan sedia ada.

Cadangan – cadangan ini dijangka akan meningkatkan lagi aksesibiliti inter dan intra Daerah. Ianya dijangka menjadi pemangkin kepesatan ekonomi daerah menjelang tahun 2035.



Antara cadangan rangkaian jalan dan pengangkutan adalah seperti menaiktaraf persimpangan yang mengalami kesesakan lalu lintas di jalan utama, menambah laluan perkhidmatan bas henti-henti dan penyediaan kemudahan sokongan bagi perkhidmatan awam dan memastikan pembinaan jalan baharu bersambung dengan rangkaian jalan sedia ada.



CADANGAN RANGKAIAN JALAN DAN PENGANGKUTAN

3-6.2 PERANAN DAERAH BENTONG DALAM KONTEKS PEMBANGUNAN WILAYAH

Daerah Bentong dijangka akan terus berperanan sebagai pusat dan destinasi pelancongan bertaraf tinggi di Negeri Pahang. Kepentingan dan peranan pusat-pusat pelancongan tanah tinggi akan terus diperkasakan dan ditingkatkan melalui produk-produk pelancongan baru yang akan dikenalpasti dan dibangunkan secara mampan.

Ianya akan dijadikan sebahagian dan pakej pelancongan yang berpotensi untuk dimajukan. Potensi sektor pertanian tanah tinggi akan juga diberi keutamaan. Usaha dan potensi akan dibuat bagi menjadikan Bentong sebagai "Daerah Pengeluar Hasil Pertanian Baik".


Perancangan kawasan perbandaran akan dibuat dengan sistematik bagi memastikan penggunaan tanah yang optima dan efektif. Cadangan jalan baru seperti laluan *Central Spine Road* (CSR), Bentong *Bypass* dan cadangan Laluan Rel Pantai Timur akan meningkatkan lagi aksessibiliti inter dan intra Daerah. Ianya dijangka menjadi pemangkin kepesatan ekonomi daerah menjelang tahun 2035.

Rajah 3-6.1: Cadangan Hierarki Bandar di Daerah Bentong





Rajah 3-6.2 Cadangan Hierarki bandar Daerah Bentong 2035



Lembah Klang – Bentong/ Pahang:

- ✓ Konurbasi Lembah Klang
- ✓ Limpahan pembangunan Lembah Klang sebagi penjana aktiviti
- ✓ Pelancongan tanah tinggi
- ✓ Pelancongan Eko
- ✓ Lalulintas dan perhubungan yang kritikal (musim cuti)
- ✓ Perhubungan lebuh raya
- ✓ Pekerjaan, industri berkaitan
- ✓ Kawasan KSAS dan pemuliharaan kawasan kuarza, tanah tinggi dan lain

PETUNJUK

Hierarki Bandar

- Bandar Utama
- Bandar Tempatan
- Pusat Petempatan Kecil/ Desa


Koridor Pembangunan

- Koridor Pembangunan Utama
- Koridor Pembangunan Sekunder
- Koridor Pembangunan Tertiari

Lain - lain

- Pusat Petempatan
- Pusat Pertumbuhan
- Jalan Raya
- Perhubungan Langsung Antara Bandar Bentong dengan Jirannya

Rajah 3-6.3 Zon Pembangunan Daerah Bentong 2035



PETUNJUK


Zon Pembangunan

- Zon Pengekalan KSAS
- Zon Pertanian Produktif
- Zon Koridor Perbandaran Utama
- Zon Pelancongan Tanah Tinggi

Lain - lain

- Pusat Petempatan
- Pusat Pertumbuhan
- Jalan Raya

Rajah 3-6.4 Pembesaran Zon Pembangunan Daerah Bentong 2035



PETUNJUK


Cadangan Pembesaran Zon

- Pembesaran Zon Perumahan
- Pembesaran Zon Perniagaan
- Pembesaran Zon Perindustrian
- Pembesaran Zon Institusi
- Pembesaran Zon Pertanian
- Pembesaran Zon Tanah Lapang

Lain - lain

- Pusat Petempatan
- Pusat Pertumbuhan
- Jalan Raya

Rajah 3-6.6 Projek *Quick Win* Daerah Bentong 2035



NODUS PELANCONGAN

A) Air Terjun Chamang
B) Air Panas Bentong
C) Hutan Lipur Lentang
D) Kampung *Homestay* Felda Lurah Bilut
E) Valley Agro Park
F) Bilut Valley Farm
G) Bilut Extreme Park
H) Tokong Shin Swee
I) Air Terjun Sg. Dua
J) Gua Cinta Manis
K) Hutan Lipur Janda Baik
L) Air Terjun Sg. Gapai


PETUNJUK

- Pusat Petempatan
- Pusat Pertumbuhan
- Pusat Eko Pelancongan
- Pelancongan Utama
- Zon Pelancongan Tanah Tinggi
- Produk PKS
- Perumahan Mampu Milik
- Bandar Baru Mempaga
- Pusat Institusi dan Latihan

Pengangkutan

- Lebuhraya
- Jalan Raya
- Central Spine Road (CSR)
- Cadangan Laluan Rel Pantai Timur
- Cadangan Stesen Rel Ketari

Rajah 3-6.6 Konsep dan cadangan Pusat Pentadbiran Pembangunan Pusat Bandar Bentong 2035



Projek *Quick Win*

- Cadangan *River of Life (ROL)*
- Cadangan Mini Stadium Kg. Benus
- Cadangan Kawasan Penjualan Hasil Buah-buahan
- Cadangan Kawasan Rekreasi dan Medan Selera
- Pembangunan Semula Pusat Bandar
- Bandar Baharu Mempaga

PETUNJUK

Cadangan Pembesaran Zon

- Pembesaran Zon Perumahan
- Pembesaran Zon Perniagaan
- Pembesaran Zon Perindustrian
- Pembesaran Zon Institusi
- Pembesaran Zon Tanah Lapang

Pengangkutan

- Lebuhraya
- Jalan Raya
- Cadangan Jalan Baharu
- Central Spine Road (CSR)
- Cadangan Laluan Rel Pantai Timur
- Cadangan Stesen Rel Ketari

Lain - lain

- Pusat Bandar

4 TERAS

- PERANCANGAN GUNA TANAH DAN KEMAMPANAN DAYA TAHAN PERSEKITARAN
- KOMUNITI INKLUSIF DAN KECEKAPAN INFRASTRUKTUR
- PEMBANGUNAN EKONOMI, PELANCONGAN DAN BANDAR BERDAYA MAJU
- URUS TADBIR EFEKTIF

13 SEKTOR STRATEGIK

36 STRATEGI

91 TINDAKAN

3-6.3 RANGKA STRATEGIK PEMBANGUNAN DAERAH BENTONG 2035

VISI

"DAERAH BENTONG SEBAGAI DAERAH LESTARI, BERDAYA HUNI DAN BERDAYA TAHAN"

MATLAMAT

Menjadikan Daerah Bentong sebagai sebuah daerah yang terancang, berdaya saing dan berdaya maju selari dengan arus pembangunan negara dan negeri

TERAS 1



PERANCANGAN GUNA TANAH DAN KEMAMPANAN DAYA TAHAN PERSEKITARAN

- Pembangunan fizikal bandar yang teratur dan terkawal
- Pengekalan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)
- Memastikan pengurusan alam sekitar yang lestari
- Mengambilkira kawasan risiko bencana dalam perancangan pembangunan

17 TINDAKAN

TERAS 2



KOMUNITI INKLUSIF DAN KECEKAPAN INFRASTRUKTUR

- Meningkatkan penyediaan kemudahan perumahan dan perumahan mampu milik bagi menampung keperluan penduduk
- Membangun dan memperkukuh fungsi Pusat Petempatan Desa (PPD) terpilih
- Penyedian pelbagai kategori kemudahan masyrkat yang selaras dengan keperluan penduduk
- Mengurangkan risiko banjir dan pemeliharaan sistem saliran utama
- Meningkatkan kecekapan prasarana infrastruktur dan utiliti
- Meningkatkan penawaran ruang lantai perniagaan di pusat-pusat perkhidmatan
- Penyediaan premis pernigaan informal di pusat-pusat perkhidmatan dan pusat-pusat pelancongan eko
- *Rebranding* dan pembangunan semula kawasan perniagaan lama dan terbiar dalam bandar
- Kawasan perindustrian baharu bagi menampung permintaan aktiviti industri
- Pengkhususan kawasan industri berasaskan kluster
- Mengukuhkan aktiviti PKS dengan penyediaan premis pks khususnya untuk aktiviti proses hasil pertanian dan makanan
- Program naiktaraf infrastruktur kawasan industri sediada
- Meningkatkan tahap aksesibiliti di antara kawasan bandar dan luar bandar
- Kemudahan pengangkutan awam yang efisien dan keboleharapan
- Sistem pengurusan lalu lintas bandar yang cekap dan berkesan

33 TINDAKAN

TERAS 3



PEMBANGUNAN EKONOMI, PELANCONGAN DAN BANDAR BERDAYA MAJU

- Menjadikan Daerah Bentong sebagai Bandar Pelancongan Tanah Tinggi bertaraf antarabangsa
- Mewujudkan dan membangunkan tarikan produk pelancongan baru
- Mengantarabangsakan Produk Eko Pelancongan Di Bentong
- Meningkatkan tarikan dan kualiti produk pelancongan sedia ada bagi memanfaatkan sumberjaya semulajadi di Bentong
- Mempelbagai kaedah promosi produk pelancongan serta menawarkan pakej pelancongan yang menarik kepada pelancong domestik dan antarabangsa
- Menjadikan Bentong sebagai sebuah 'Eco City' yang kompleks, menarik dan beridentiti
- Meningkatkan identiti bandar melalui pembaharuan semula bandar
- Meningkatkan imej dan identiti rupa bentuk bandar
- Menaiktaraf pembangunan persisiran sungai sebagai *River Of Life*
- Meningkatkan elemen pengindahan, kebersihan dan mewujudkan persekitaran bandar selamat
- Merancang pusat pemasaran hasil agro di kawasan yang strategik.
- Memperkasa TKPM Lebu dan memajukan Projek Agropolitan Chemomoi
- Menjadikan Daerah Bentong sebagai Pusat Pengeluaran Hasil Pertanian Sihat

35 TINDAKAN

TERAS 4



URUS TADBIR EFEKTIF

- Memperkukuhkan organisasi Majlis Perbandaran Bentong
- Meningkatkan hasil pendapatan dan kewangan MPB
- Memperkukuhkan kerjasama strategik antara pihak majlis dan pihak-pihak yang berkepentingan
- Mempertingkatkan penggunaan ICT

6 TINDAKAN

THIS PAGE IS INTENTIONALLY LEFT BLANK

4

PETA CADANGAN

4-1 CADANGAN KESELURUHAN GUNA TANAH 2035
4-2 BLOK PERANCANGAN (BP) DAN BLOK PERANCANGAN KECIL (BPK)




4-1 CADANGAN KESELURUHAN GUNA TANAH 2035

Pelan Cadangan Guna Tanah 2035 menunjukkan kawasan pengezonan keseluruhan bagi Daerah Bentong menjelang tahun 2035. Secara umumnya perubahan ketara dijangka berlaku dalam guna tanah Perumahan dengan anggaran peningkatan sebanyak 7.98% pada tahun 2035 yang meliputi 14,625.31 hektar. Aktivit Komersial dan Industri juga mengalami peningkatakan keluasan masing-masing dengan 1.03% (1,892.83 hektar) dan 0.48% (874.46 hektar). Institusi dan kemudahan masyarakat meningkat sebanyak 1.53% (2,800.10 hektar). Manakala guna tanah bagi infrastruktur dan utiliti meningkat sebanyak 0.23% (426.68 hektar). Pengangkutan meningkat sebanyak 1.77% (3,233.59 hektar) dan rekreasi meningkat 0.82% (1,500.13 hektar).

Faktor peningkatan guna tanah ini adalah berdasarkan dengan penyediaan kemudahan masyarakat, pengangkutan dan kawasan rekreasi baharu untuk menampung keperluan penduduk tempatan menjelang tahun 2035. Peningkatan guna tanah untuk aktiviti perumahan, perniagaan, industri, pelancongan dan rekreasi adalah selaras dengan strategi pembangunan RT Daerah Bentong 2035 ke arah pembentukan sebuah daerah yang mampan dan berdaya maju menjelang 2035.



Rajah 4-1 Peta Cadangan Guna Tanah Daerah Bentong 2035



GUNA TANAH	Perumahan	Komersial	Industri	Institusi dan Kemudahan Masyarakat	Infrastruktur dan Utiliti	Pengangkutan	Tanah Lapang dan Rekreasi	Pertanian	Hutan	Badan Air	JUMLAH
KELUASAN (HEKTAR)	*14,625.31*	*1,892.83*	*874.46*	*2,800.11*	*426.68*	*3,233.59*	*1,500.13*	*46,702.32*	*109,667.68*	*1,475.89*	*183,199.00*
PERATUS (%)	*7.98*	*1.03*	*0.48*	*1.53*	*0.23*	*1.77*	*0.82*	*25.49*	*59.86*	*0.81*	*100*

4-1.1 PENENTUAN SEMPADAN BANDAR

4-1.1(A) DEFINISI SEMPADAN PERTUMBUHAN BANDAR

DEFINISI SEMPADAN PERTUMBUHAN BANDAR

DASAR PERBANDARAN NEGARA 2

- ✓ Kawasan yang diwartakan serta kawasan tepu bina yang bersempadan dengannya dan gabungan kedua-dua kawasan ini mempunyai penduduk 10,000 orang atau lebih; atau
- ✓ Bandar sedia ada yang telah diwartakan ialah senarai bandar yang telah dikenalpasti dalam Kajian Profil Bandar 1 dan 2.

RANCANGAN FIZIKAL NEGARA KE-3

- ✓ Bandar ditentukan daripada pelbagai aspek seperti kependudukan, pencapaian ekonomi, tahap pembangunan bandar dari segi penyediaan kemudahan dan intrastruktur sokongan. Pembangunan di Malaysia adalah berdasarkan jumlah penduduk (10,000 penduduk diklasifikasikan sebagai bandar).

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

- ✓ Bandar ditakrifkan sebagai kawasan diwartakan serta kawasan tepu bina yang bersempadan dengannya dan gabungan kedua-dua kawasan mempunyai seramai 10,000 orang atau lebih semasa banci penduduk 2010. Kawasan bandar mempunyai kawasan tepu bina melebihi 5 km dengan penduduk sekurang-kurangnya 10,000 orang dengan 60% dari penduduknya yang berumur 15 tahun dan ke atas terlibat dalam aktiviti bukan pertanian

JUPEM

- ✓ Merujuk kepada Kanun Tanah Negara (Akta 56), terdapat 3 jenis penentuan sempadan mengikut klasifikasi dan kategori tanah iaitu:
  - Tanah bandar : Mana-mana tanah yang diisytiharkan di bawah Seksyen 11, Akta 56
  - Tanah pekan : Mana-mana tanah yang diisytiharkan di bawah Seksyen 11, Akta 56
  - Tanah desa : Tanah selain tanah bandar dan pekan
- ✓ Penetapan sempadan bandar oleh JUPEM merujuk dan mengambikira klasifikasi tanah bandar dan pekan.

PLANMalaysia

- ✓ Berdasarkan kepada definisi dan penetapan sempadan dalam Dasar Perbandaran Negara dan Kajian Profil Bandar.

GPP SEMPADAN BANDAR

- ✓ Sempadan Pertumbuhan Bandar merupakan kawasan yang menjadi had pembangunan perbandaran utama yang dibangunkan secara komprehensif, berkepadatan tinggi dan mempunyai jumlah penduduk ideal. Bagi lain-lain kawasan yang berada di luar had pembangunan perbandaran, alam semula jadi, tanah pertanian subur dan kawasan desa akan dikekalkan untuk generasi akan datang.

Sumber: Garis Panduan Perancangan Sempadan Bandar 2017

4-1.2(B) KRITERIA PENENTUAN SEMPADAN PERTUMBUHAN BANDAR



- Taburan tepubina semasa
- Sempadan bandar sedia ada mengikut warta negeri
- Kawasan operasi PBT
- Berhampiran rangkaian jalanraya sedia ada
- Pembangunan komited tepubina
- Kawalan pentadbiran PBT
- Berdekatan sekolah rendah
- Berdekatan sekolah menengah
- Berdekatan balai bomba
- Berdekatan balai polis
- Berdekatan masjid
- Berdekatan hospital
- Berdekatan taman awam
- Berdekatan IPT
- Berdekatan pusat kesihatan/klinik
- Berdekatan dewan orang awam/balairaya
- Berdekatan rumah ibadat bukan islam
- Berdekatan stadium/kompleks sukan

4-1.2 CADANGAN SEMPADAN PERTUMBUHAN BANDAR


Cadangan bagi penentuan sempadan pertumbuhan bandar Bentong dan Karak akan dinyatakan di dalam Teras 1- Perancangan Guna Tanah dan Kemampanan Daya Tahan Persekitaran

4-1.2(A) ANALISIS DAN CADANGAN SEMPADAN PERTUMBUHAN BANDAR


Penentuan sempadan pertumbuhan bandar adalah berbentuk subjektif dan sukar ditetapkan. Hal ini kerana ia bergantung kepada interpretasi individu dan data yang dikumpul. Analisis ini secara spatial dapat dilakukan dengan mudah dan sistematik. Berikut adalah tatacara analisis yang dilakukan bagi penentuan sempadan bagi Bandar Bentong dan Karak berdasarkan Garis Panduan Perancangan Sempadan Bandar yang dikeluarkan oleh PLANMalaysia.

Tujuan pembentukan sempadan bandar adalah untuk mengawal had secara spatial melalui proses janaan analisis GIS yang akan dilaksanakan. Ia membantu Pihak Berkuasa Tempatan dalam mengurus dan mengawal rebakan bandar. Oleh itu, pemilihan dua bandar bagi Kajian DRT Daerah Bentong, Pahang 2035 iaitu Bandar Bentong dan Bandar Karak berdasarkan Dasar Perbandaran Negara 2 (DPN2) yang mengklasifikasikan sebagai Bandar Tempatan. Proses analisis ini dilaksanakan adalah dalam sempadan sahaja. 18 kriteria yang digunakan mengikut Kajian Profil Bandar 1 dan 2 serta Garis Panduan Perancangan Sempadan Bandar yang telah ditetapkan dengan berdasarkan data-data yang telah dikumpul.

Rajah 4-2: Bandar Bentong dan Karak dalam Daerah Bentong



Berikut adalah kaedah pelaksanaan analisis bagi Penentuan Sempadan Bandar yang digunapakai:



Sumber: Garis Panduan Perancangan Sempadan Bandar 2017


4-2 BLOK PERANCANGAN (BP) DAN BLOK PERANCANGAN KECIL (BPK)

Blok Perancangan bagi Daerah Bentong dibahagikan kepada tiga (3) Blok Perancangan (BP) utama bagi memandu perancangan secara bersepadu dan saling melengkapi peranan dan fungsi bagi BP yang dicadangkan. Blok Perancangan ini berpandukan kepada tiga mukim utama yang terdapat di Daerah Bentong. Tiga BP utama ini adalah BP1 Bentong, BP2 Sabai dan BP3 Pelangai. (**Rujuk Jadual 4-1**).


Jadual 4-2.1: Senarai BP dan BPK RT Daerah Bentong, Pahang 2035

NAMA BPK		KELUASAN (HEKTAR)
BLOK PERANCANGAN 1 : BENTONG		
1.1a	Bandar Bentong	1,287.64
1.1b	Ketari – Benus	823.38
1.1c	Kuala Repas – Desa Damai	1,034.58
1.2	Mempaga 2 – Mempaga 3	3,967.56
1.3	Kg. Lebu – Lurah Bilut	12,332.90
1.4	HSK Bukit Tinggi	13,200.61
1.5	Lentang	7,700.93
1.6	Genting Highlands	6,339.85
1.7	Bukit Tinggi - Berjaya Hills	7,034.86
1.8	Janda Baik - HSK Lentang	15,642.06
	JUMLAH KESELURUHAN BP1	**69,056.94**
BLOK PERANCANGAN 2 : SABAI		
2.1	Karak	2,000.22
2.2	Sg. Dua – Jambu Rias	11,602.48
2.3	Mempaga 1 – Sertik	9,398.87
2.4	HSK Lentang	24,330.44
2.5	Sg. Perdak	10,127.96
	JUMLAH KESELURUHAN BP2	**57,459.97**
BLOK PERANCANGAN 3 : PELANGAI		
3.1	Telemong	4,562.46
3.2	HSK Lentang (Tambahan)	7,134.30
3.3	Manchis – Pelangai	9,653.00
3.4	Chemomoi – Kemasul – Kemahal	15,418.69
3.5	HSK Kemasul	19,913.63
	JUMLAH KESELURUHAN BP3	**56,682.09**
	JUMLAH KELUASAN KESELURUHAN	**183,199.00**

Manakala Blok Perancangan Kecil (BPK) merupakan pecahan kepada BP yang ditentukan dengan mengambil kira keserasian guna tanah, ciri-ciri fizikal seperti kawasan hutan simpan kekal (HSK), jajaran jalan raya, sungai , tepubina semasa dan prospek pembangunan masa hadapan bagi pembangunan yang sealiran. Kawasan BPK yang dicadangkan dibahagikan mengikut mukim. Terdapat 18 cadangan Blok Perancangan Kecil yang dibentuk menjadi panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan. (Rujuk **Rajah 4-3**)



Rajah 4-3 Cadangan Blok Perancangan (BP) dan Blok Perancangan Kecil (BPK) Daerah Bentong, 2035



BP 1: BENTONG

- ***BPK 1.1A*** : Bandar Bentong
- ***BPK 1.1B*** : Ketari – Benus
- ***BPK 1.1C*** : Kuala Repas – Desa Damai
- ***BPK 1.2*** : Mempaga 2 – Mempaga 3
- ***BPK 1.3*** : Kg. Lebu – Lurah Bilut
- ***BPK 1.4*** : HSK Bukit Tinggi
- ***BPK 1.5*** : Lentang
- ***BPK 1.6*** : Genting Highlands
- ***BPK 1.7*** : Bukit Tinggi – Berjaya Hills
- ***BPK 1.8*** : Janda Baik - HSK Lentang

BP 2: SABAI

- ***BPK 2.1*** : Karak
- ***BPK 2.2*** : Sg. Dua – Jambu Rias
- ***BPK 2.3*** : Mempaga 1 - Sertik
- ***BPK 2.4*** : HSK Lentang
- ***BPK 2.5*** : Sg. Perdak


BP 3: PELANGAI

- ***BPK 3.1*** : Telemong
- ***BPK 3.2*** : HSK Lentang (Tambahan)
- ***BPK 3.3*** : Manchis - Pelangai
- ***BPK 3.4*** : Chemomoi – Kemasul - Kemahal
- ***BPK 3.5*** : HSK Kemasul

Jadual 4-2.2: Tahap Pencapaian Guna Tanah Semasa Tahun 2018 dan Guna Tanah Tahun 2035


KOMPONEN GUNA TANAH	GUNA TANAH SEMASA 2018		PENGEZONAN 2035		
	KELUASAN (HEK)	%	KELUASAN (HEK)	%	KEPERLUAN TANAH 2035
Perumahan	2,416.79	1.32	10,484.05	5.66	+8,067.26
Komersial	585.19	0.32	2,377.81	1.28	+1,792.62
Industri	370.98	0.20	905.89	0.49	+534.91
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	1,738.50	0.95	2,737.99	1.48	+999.49
Infrastruktur dan Utiliti	275.62	0.15	348.20	0.19	+72.58
Pengangkutan	3,131.11	1.71	3,248.82	1.75	+117.71
Tanah Lapang dan Rekreasi	279.46	0.15	569.63	0.31	+290.17
Pertanian	62,970.73	59.86	55,662.66	30.07	-7,308.07
Tanah Kosong	287.05	0.16	0.00	0.00	-287.05
Hutan	109,667.68	59.86	107,306.87	57.96	-2,360.81
Badan Air	1,475.89	0.81	1,490.99	0.81	0.00
JUMLAH KESELURUHAN	**183,199.00**	**100.00**	**183,199.00**	**100.00**	**-**

Rajah 4-2.1 Peta Cadangan Blok Perancangan 1 Bentong




GUNA TANAH	Perumahan	Komersial	Industri	Institusi dan Kemudahan Masyarakat	Infrastruktur dan Utiliti	Pengangkutan	Tanah Lapang dan Rekreasi	Pertanian	Hutan	Badan Air	JUMLAH
KELUASAN (HEKTAR)	*10,486.64*	*1,758.95*	*186.67*	*1,096.59*	*330.3*	*1,862.93*	*1,475.48*	*16,526.00*	*34,734.15*	*599.23*	**69,056.94**
PERATUS (%)	*15.19*	*2.55*	*0.27*	*1.59*	*0.48*	*2.70*	*2.14*	*23.93*	*50.30*	*0.87*	**100.00**

Rajah 4-2.2 Peta Cadangan Blok Perancangan 2 Sabai



GUNA TANAH	Perumahan	Komersial	Industri	Institusi dan Kemudahan Masyarakat	Infrastruktur dan Utiliti	Pengangkutan	Tanah Lapang dan Rekreasi	Pertanian	Hutan	Badan Air	JUMLAH
KELUASAN (HEKTAR)	*2,850.76*	*102.81*	*275.14*	*1,056.06*	*85.95*	*789.9*	*14.19*	*10054.91*	*41538.86*	*691.39*	**57,459.97**
PERATUS (%)	*4.96*	*0.18*	*0.48*	*1.84*	*0.15*	*1.37*	*0.02*	*17.50*	*72.29*	*1.20*	**100.00**

Rajah 4-2.3 Peta Cadangan Blok Perancangan 3 Pelangai



GUNA TANAH	Perumahan	Komersial	Industri	Institusi dan Kemudahan Masyarakat	Infrastruktur dan Utiliti	Pengangkutan	Tanah Lapang dan Rekreasi	Pertanian	Hutan	Badan Air	JUMLAH
KELUASAN (HEKTAR)	*1,287.91*	*31.07*	*412.65*	*647.46*	*10.43*	*580.76*	*10.46*	*19,982.88*	*33,535.16*	*183.31*	**56,682.09**
PERATUS (%)	*2.27*	*0.05*	*0.73*	*1.14*	*0.02*	*1.02*	*0.02*	*35.25*	*59.16*	*0.32*	**100.00**

5

STRATEGI DAN HALATUJU PEMBANGUNAN

5-1 TERAS 1 : PERANCANGAN GUNA TANAH DAN KEMAMPANAN DAYA TAHAN PERSEKITARAN

5-2 TERAS 2 : KOMUNITI INKLUSIF DAN KECEKAPAN INFRASTRUKTUR

5-3 TERAS 3 : PEMBANGUNAN EKONOMI, PELANCONGAN DAN BANDR BERDAYA MAJU

5-4 TERAS 4 : URUS TADBIR EFEKTIF



TERAS 1



PERANCANGAN GUNA TANAH DAN KEMAMPANAN DAYA TAHAN PERSEKITARAN

RINGKASAN STRATEGI, TINDAKAN DAN *OUTCOME* TERAS 1

STRATEGI			TINDAKAN	OUTCOME
5-1.1	**PEMBANGUNAN FIZIKAL BANDAR YANG TERATUR DAN TERKAWAL**	**5-1.1 (A)**	**Penentuan sempadan bandar Bentong Dan Karak**	✓ Kawalan pembangunan mudah dijalankan secara efisien serta memudahkan pengurusan dan pemantauan dilaksanakan ✓ Penggunaan guna tanah di kawasan bandar menjadi lebih optimum ✓ Pertumbuhan perbandaran yang seimbang dengan mengukuhkan fungsi, imej dan potensi bandar
		5-1.1 (B)	**Pembaharuan semula bandar**	
		5-1.1 (C)	**Cadangan hierarki bandar**	
5-1.2	**PENGEKALAN KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS)**	**5-1.2 (A)**	**Mengurus KSAS sektoral dan bersepadu yang mengikut tahap KSAS**	✓ Pengiktirafan KSAS dalam proses merancang dan membangun di peringkat daerah. ✓ Menyumbang ke arah konsep '*fresh air lung washing*' untuk Daerah Bentong. ✓ Litupan kawasan berhutan yang menyeluruh dapat berfungsi sebagai 'carbon sink' yang efektif ke arah kualiti udara yang baik. ✓ Kawasan laluan garis sesar merupakan kawasan pertanian dan HSK.
		5-1.2 (B)	**Mengezon kawasan HSK dan berhutan sebagai Zon Penyerap Karbon (*Carbon Sink*)-*fresh Air Lung Of Bentong)***	
		5-1.2 (C)	**Memindahkan kawasan tanaman halia secara berkelompok untuk mengurangkan masalah penerokaan KSAS sektoral HSK**	
		5-1.2 (D)	**Memantau pembangunan di kawasan Janda Baik dan Bukit Tinggi yang berisiko gempa bumi melalui penggunaan teknologi**	
5-1.3	**MEMASTIKAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR YANG LESTARI**	**5-1.3 (A)**	**Memantau kualiti air sungai di Hulu Sungai Bentong serta rangkaian anak-anak sungainya supaya sentiasa berada pada tahap status bersih (IKA melebihi 80)**	✓ Bekalan air mentah untuk penduduk Bentong merupakan air bersih (Kelas 1) ✓ Kualiti udara ambien dengan IPU kurang 50 dapat dicapai untuk menyokong kualiti persekitaran yang baik untuk masyarakat. ✓ Pembuangan sampah sarap dapat dikumpulkan untuk dilupuskan di tapak pelupusan secara teratur. ✓ Kualiti hidup masyarakat yang baik dan keadaan persekitaran yang bebas dari pencemaran ketara. ✓ Pembuangan sampah sarap dapat dikumpulkan untuk dilupuskan di tapak pelupusan secara teratur.
		5-1.3 (B)	**Menyediakan stesen pengawasan udara di kawasan perindustrian Bentong untuk mencerap data bacaan IPU**	
		5-1.3 (C)	**Menyediakan kawalan perangkap sampah, tapisan minyak dan punca pencemaran sebelum air sisa dan kumbahan dilepaskan ke sungai atau alur air**	
		5-1.3 (D)	**Program kawalan pencemaran dari kawasan perindustrian, perumahan dan perniagaan**	
		5-1.3 (E)	**Memantau operasi aktiviti yang berpotensi sebagai punca pencemar seperti ladang ternakan ayam dan akuakultur**	
5-1.4	**MENGAMBILKIRA KAWASAN RISIKO BENCANA DALAM PERANCANGAN PEMBANGUNAN**	**5-1.4 (A)**	**Tindakan mengurus dan mengurangkan risiko bencana**	✓ Mewujudkan pengurusan dan pengurangan risko bencana yang sistematik dan teratur ✓ Pemuliharaan kawasan cerun-cerun berisiko dalam Daerah Bentong ✓ Penyediaan pelan kelangsungan perkhidmatan dalam perancangan pembangunan kawasan risiko bencana ✓ Mewujudkan pusat pemindahan dan perkhidmatan bagi mangsa bencana ✓ Penyediaan peta laluan evakuasi
		5-1.4 (B)	**Pemuliharaan kawasan cerun-cerun berisiko**	
		5-1.4 (C)	**Penyediaan Pelan Kelangsungan Perkhidmatan**	
		5-1.4 (D)	**Pusat pemindahan dan perkhidmatan bagi mangsa bencana**	
		5-1.4 (E)	**Peta Laluan Evakuasi**	

TINDAKAN

5-1.1(A) PENENTUAN SEMPADAN BANDAR BENTONG DAN KARAK

SASARAN

Sasaran menjadikan Bandar Bentong dan Karak dalam mencapai hierarki Bandar Tempatan (DPN2).

DESKRIPSI CADANGAN

- Sempadan bandar merupakan kawasan yang menjadi had pembangunan perbandaran utama yang dibangunkan secara komprehensif.
- Pihak PBT dapat menetapkan kawasan tanah sama ada bandar, pekan ataupun desa bagi memudahkan pengurusan dan pelaksanaan pembangunan di bandar.
- Kriteria yang diambil kira dalam pembentukkan analisis ini adalah:
  a) Taburan tepubina semasa
  b) Kepadatan penduduk semasa
  c) Pembangunan komited tepubina
  d) Sempadan bandar sedia ada mengikut warta negeri
  e) Taburan tepubina zoning
  f) Berdekatan dengan sistem rangkaian jalanraya sedia ada
  g) Berdekatan dengan institusi kemudahan masyarakat
  h) Fizikal bentuk muka bumi

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan : BP1 dan BP2

Blok Perancangan Kecil : BPK 1.1a, BPK 1.1B, BPK 1.1c dan BPK 2.1

No. Lot: -

Keluasan : Pusat Bandar Bentong- 3,182.15 hektar
: Pusat Bandar Karak – 2,020.87


FASA 1 (2019-2025)	FASA 2 (2026-2030)	FASA 3 (2031-2035)

AGENSI PELAKSANA

Majlis Perbandaran Bentong


Rajah 5-1.1.1 Cadangan Sempadan Had Pertumbuhan Pusat Bandar Bentong dan Karak 2035

Cadangan Sempadan Bandar - **Pusat Bandar Bentong 2035**



Pembangunan yang dijadikan asas penentuan sempadan pertumbuhan Bandar Bentong adalah:
- Tepubina sekitar Pusat Bandar (*bahagian utara dan selatan)*
- Hutan Simpan Kekal Bukit Tinggi (*bahagian barat*)
- Sungai Bentong, Benus dan kawasan komited (*bahagian timur dan utara)*

Cadangan Sempadan bandar - **Pusat Bandar Karak 2035**



Pembangunan yang dijadikan asas penentuan sempadan pertumbuhan Karak adalah:
- Tepubina sekitar Pusat Bandar (*bahagian barat dan timur)*
- Hutan Simpan Kekal Lentang (*bahagian barat*)
- Sungai Bentong, Telemong dan kawasan komited (*bahagian barat dan timur)*

Klasifikasi kriteria bagi kawasan bandar dan desa

Kategori Grid	Deskripsi
Perbandaran Utama	✓ Sebahagian daripada kawasan metropolitan dan kawasan perbandaran utama ✓ Lebih 90% adalah kawasan tepubina ✓ Jumlah penduduk melebihi 2.500 orang ✓ Berada di dalam pusat bandar
Perbandaran Sekunder	✓ Sebahagian dari ibu negeri dan daerah serta bandar utama ✓ 70%-90% merupakan kawasan tepubina ✓ Jumlah penduduk dalam lingkungan 1,000 -2,500 orang
Bandar Desa	✓ Kawasan bandar (pusat petempatan utama) di luar konurbasi utama – pinggir bandar ✓ 50%-70% adalah kawasan tepubina ✓ Jumlah penduduk dalam lingkungan 500-1,000 orang
Desa Luar Bandar	✓ Pusat pertumbuhan desa (PPD) dan perkampungan utama ✓ 70% terdiri daripada hutan dan kawasan pertanian ✓ Jumlah penduduk dalam lingkungan 50-100 orang
Desa Pendalaman	✓ Kawasan pendalaman dengan bilangan kecil perkampungan ✓ 90% merupakan kawasan hutan dan pertanian ✓ Jumlah penduduk kurang 50 orang

PETUNJUK
- Perbandaran Utama
- Perbandaran Sekunder
- Bandar Desa – Rural Urban
- Desa Luar Bandar
- Desa Pendalaman
- Cadangan Sempadan Bandar 2035
- Lebuh Raya Pantai Timur
- Jalan Raya Utama
- Jajaran Keretapi Pantai Timur
- Sungai

Sumber: Garis Panduan Perancangan Sempadan Bandar, 2017

TINDAKAN

5-1.1(B) CADANGAN PEMBAHARUAN SEMULA BANDAR *(URBAN RENEWAL)*

SASARAN

Menstruktur semula guna tanah di Pusat Bandar Bentong

DESKRIPSI CADANGAN

- Pembaharuan semula bandar adalah menjadikan penggunaan tanah secara optimum dengan menyediaan kemudahan baru yang bersesuaian dengan keperluan semasa.
- Membangunkan semula bangunan lama, usang dan terbiar dalam pusat bandar.
- Penjenamaan semula kawasan selaras dengan potensi dan keperluan semasa.
- Tujuan pembaharuan semula bangunan untuk menjana aktiviti ekonomi dan seterusnya meningkatkan daya saing, ekonomi tempatan dan pelaburan.
- Lokasi dan Keluasan Bangunan Pembaharuan Semula Bandar:
  a) Komplek Perniagaan (0.87 Hektar)
  b) Pasar Besar (0.47 Hektar)
  c) Hospital Besar Bentong (2.74 Hektar)
  d) Masjid (0.36 Hektar)

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan : BP1

Blok Perancangan Kecil : BPK 1.1a

No. Lot: -

Keluasan : 4.44 hektar


FASA PEMBANGUNAN

FASA 1 (2019-2025)	FASA 2 (2026-2030)	FASA 3 (2031-2035)

AGENSI PELAKSANA

Majlis Perbandaran Bentong

Rajah 5-1.1.2 Cadangan Kawasan Pembaharuan Semula Bandar *(Urban Renewal)*



PETUNJUK

Cadangan Kawasan Pembaharuan semula

TINDAKAN

5-1.1(C) CADANGAN HIERARKI BANDAR

SASARAN

Membangunkan pusat-pusat petempatan berdasarkan hierarki bandar yang ditetapkan oleh DPN2 dan RSN Pahang.

DESKRIPSI CADANGAN

- Hierarki bandar berfungsi sebagai bandar yang menawarkan kemudahan perniagaan, perumahan, pendidikan, kesihatan, pengangkutan, rekreasi dan sosial kepada penduduk setempat.

- Dalam Dasar Perbandaran Negara 2 telah mengenalpasti Bandar Bentong, Bukit Tinggi dan Karak sebagai Bandar Tempatan yang berasaskan kepada unjuran penduduk tahun 2025. Manakala, Draf Rancangan Struktur Negeri Pahang 2050 mengenalpasti Bandar Bentong berpotensi sebagai Bandar Utama.

Lokasi dan Keluasan

Bandar Utama
- Bandar Bentong,

Bandar Tempatan
- Karak, Bukit Tinggi, Genting Highlands, Janda Baik dan Mempaga

Pusat Petempatan Kecil/Pusat Pertumbuhan Desa
- Kampung Lebu, Lurah Bilut, Chemomoi, Jambu Rias, Simpang Pelangai, Telemong, Manchis dan Sg. Dua

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan : -

Blok Perancangan Kecil :-

No. Lot: -

Keluasan :- 183,199.00 Hektar


FASA PEMBANGUNAN

FASA 1 (2019-2025)	FASA 2 (2026-2030)	FASA 3 (2031-2035)

AGENSI PELAKSANA

Majlis Perbandaran Bentong

Rajah 5-1.1.3 Hierarki Bandar mengikut Dasar Perbandaran Negara 2 dan Rancangan Struktur Negeri Pahang 2050



HIERARKI	FUNGSI UTAMA	POTENSI KAWASAN
Bandar Utama	• Berperanan sebagai pertumbuhan ekonomi yang signifikan dalam sesebuah negeri.	• Bandar Bentong berpotensi sebagai Bandar Utama yang mempunyai pengaruh ekonomi dan mempunyai peratusan penduduk yang tinggi dan berfungsi sebagai pusat pentadbiran utama bagi Daerah Bentong.
Bandar Tempatan	• Berperanan sebagai bandar yang memberi perkhidmatan perniagaan dan pentadbiran kepada kawasan yang lebih kecil berbanding Bandar Utama.	• Karak, Bukit Tinggi, Genting Highlands, Janda Baik dan Mempaga berpotensi menjadi Bandar Tempatan kerana kemampuan memberi perkhidmatan perniagaan dan pentadbiran dan juga aspek infrastruktur pelbagai fungsi dalam menawarkan beberapa kemudahan yang terbaik.
Pusat Petempatan Kecil/Desa	• Berfungsi sebagai pusat perkhidmatan desa kepada beberapa buah kawasan kampung (Kampung Lebu, Lurah Bilut, Jambu Rias, Simpang Pelangai, Chemomoi, Telemong, Manchis dan Kampung Shafie) yang terletak secara berkelompok bagi menampung penduduk.	

TINDAKAN

5-1.2(A) PENGURUSAN DAN PEMULIHARAAN KSAS SEKTORAL

SASARAN

Pengurusan dan pemuliharaan KSAS sektoral mengikut bidang kuasa agensi kerajaan yang sesuai.

DESKRIPSI CADANGAN

- Pengurusan dan pemuliharaan kawasan KSAS dalam perancangan pembangunan perlu dititikberatkan untuk mengelakkan sebarang risiko bencana, seperti tanah runtuh.
- Pematuhan pembangunan mengikut jenis dan tahap KSAS di semua peringkat pembangunan tanah.
- Agensi pelaksana perlu merujuk pelan taburan jenis dan tahap KSAS di dalam merancang pembangunan mengikut bidang kuasa agensi masing-masing.
- Setiap sumber jaya KSAS mempunyai garis panduan pengkelasan yang berbeza mengikut tahap supaya sebarang perubahan dapat diadaptasi dengan baik oleh sesuatu ekosistem.
- Agensi pelaksana perlu mewujudkan unit R&D yang mengambil kira jenis dan tahap KSAS mengikut kesesuaian ekosistem sesuatu sumber jaya.

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan : -

Blok Perancangan Kecil : -

No. Lot: -

Keluasan : Seluruh daerah Bentong


FASA PEMBANGUNAN

FASA 1 (2019-2025)	FASA 2 (2026-2030)	FASA 3 (2031-2035)

AGENSI PELAKSANA

PLANMALAYSIA@PAHANG
Jabatan Alam Sekitar
Jabatan Perhutanan
Jabatan Pengairan dan Saliran
Jabatan Mineral dan Geosains

Rajah 5-1.2.1 Pengurusan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Bersepadu dan Sektoral



Bukit Cinta Manis adalah monumen geologi yang perlu dipulihara.

KSAS SEKTORAL	KEDAPATAN SUMBERJAYA
KSAS Warisan	
Perhutanan (kepelbagaian biokologi)	• 10 HSK (82,766.16 hektar) • 2 taman eko rimba
Geologi dan landskap	• 1 kolam air panas di Bentong • Air terjun Chamang • Bukit Cinta Manis (bukit batu kapur)
KSAS Berisiko Bencana	
Tanah tinggi dan pergunungan	• Kawasan tanah bukit (150-300 meter) • Kawasan tanah tinggi (300 - 1,000 meter) • Kawasan pergunungan (>1,000 meter)
Kawasan dataran banjir	• Kawasan petempatan yang terletak di tanah rendah (contohnya di Manchis)
Zon sesar gempa bumi	• Laluan garis sesar di Janda Baik dan Bukit Tinggi
KSAS Sokongan Hidup	
Air bersih	• Bahagian hulu sungai utama (Sg. Bentong, Sg. Benus, Sg. Triang, Sg. Perting dan Sg. Klau) • Lima empangan (Chamang, Perting, Benus, Klau dan Telemong)
Galian dan mineral	• Stok simpanan tembaga, besi, nikel dan tungsten • Lombong kuari (pasir dan batu)

Tahap 1: Kawasan Perlindungan Penuh

Tidak dibenarkan sebarang pembangunan perbandaran dan pertanian kecuali bagi kerja-kerja melibatkan pemuliharaan dan pemeliharaan, pembalakan mampan, aktiviti eko-lancong yang terhad dan kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan (R & D) yang dibenarkan tanpa menjejaskan sifat keupayaan daya tampungan (*carrying capacity*) (Nota: Tidak tertakluk untuk kawasan SMA Genting Highland, Bukit Tinggi dan Janda Baik).

Tahap 2: Kawasan Pembangunan Terhad

Tidak dibenarkan sebarang pembangunan perbandaran dan pertanian, kecuali aktiviti rekreasi/pelancongan berasakan alam semulajadi yang memberi impak yang minima sahaja di mana kawasannya merupakan semua jenis badan air serta kawasan sisa hutan dibenarkan tanpa menjejaskan sifat keupayaan daya tampungan (*carrying capacity*).

Tahap 3: Kawasan Pembangunan Terkawal

Pembangunan terpilih dan terkawal sahaja yang tertakluk kepada pematuhan keperluan khusus yang terkandung di dalam garispanduan yang ditetapkan bagi aktiviti perbandaran seperti perumahan, perindustrian dan perniagaan yang melibatkan kepadatan rendah atau sederhana sahaja.

Di Luar KSAS


Kawasan ini dibenarkan untuk pembangunan bersifat perbandaran (perindustrian, perumahan, perniagaan, kemudahan masyarakat dan sebagainya) dan pertanian dengan mengambilkira ketetapan zon gunatanah dan mematuhi syarat-syarat dan garis panduan pembangunan yang ditetapkan menurut proses permohonan kebenaran merancang.

DESKRIPSI CADANGAN

Komponen cadangan:

- Agensi pelaksana perlu mengiktiraf tahap KSAS sebagai asas pertimbangan di dalam proses permohonan tanah di peringkat daerah.
- Merancang guna tanah mengikut kesesuaian tahap KSAS (KSAS 1, 2 3 dan luar KSAS) dan disepadukan dengan perancangana guna tanah keseluruhan daerah.

Rajah 5-1.2.2 Pengurusan KSAS Menurut Tahap



Hutan Lipur Eko Rimba Konifer di Janda Baik yang penting untuk tujuan pendidikan dan penyelidikan merupakan KSAS tahap 2

KSAS SEKTORAL	KEDAPATAN SUMBERJAYA
KSAS WARISAN /TAHAP KSAS	
Perhutanan (kepelbagaian biologi)	• 10 HSK (82,766.16 hektar) (KSAS Tahap 1) • 2 taman eko rimba (KSAS Tahap 2)
Geologi dan landskap	• 1 kolam air panas di Bentong (KSAS Tahap 3) • Air terjun Chamang (KSAS Tahap 3) • Bukit Cinta Manis (bukit batu kapur) (KSAS Tahap 3)
KSAS BERISIKO BENCANA/TAHAP KSAS	
Tanah tinggi dan pergunungan	• Kawasan tanah bukit (150-300 meter) (KSAS Tahap 3) • Kawasan tanah tinggi (300 - 1,000 meter) (KSAS Tahap 2) • Kawasan pergunungan (>1,000 meter) (KSAS Tahap 1)
Kawasan dataran banjir	• Kawasan petempatan yang terletak di tanah rendah (contohnya di Manchis) (KSAS Tahap 3)
Zon sesar gempa bumi	• Laluan garis sesar di Janda Baik dan Bukit Tinggi (KSAS Tahap 3)
KSAS SOKONGAN HIDUP/TAHAP KSAS	
Air bersih	• Bahagian hulu sungai utama (Sg Bentong, Sg Benus, Sg Triang, Sg Perting dan Sg Klau) (KSAS Tahap 2) • Lima empangan (Chamang, Perting, Benus, Klau dan Telemong) (KSAS Tahap 1)
Galian dan mineral	• Stok simpanan tembaga, besi, nikel dan tungsten (KSAS Tahap 3) • Lombong kuari (pasir dan batu) (KSAS Tahap 3)

TINDAKAN

5-1.2(B) PENGEZONAN KAWASAN HSK DAN BERHUTAN SEBAGAI ZON PENYERAP KARBON (*CARBON SINK*)-*FRESH AIR LUNG OF BENTONG*

SASARAN

Pengekalan keluasan HSK yang dilitupi pokok-pokok hutan (82,766.16 hektar)

DESKRIPSI CADANGAN

- Konsep hutan sebagai penyerap karbon perlu digunapakai kerana ia menawarkan perkhidmatan ekosistem yang berbagai, seperti:
  a) Proses *sequestration carbon* (penyimpanan karbon)
  b) Pengeluar oksigen
  c) Pengawal suhu tempatan
  d) Proses biomass daratan

- Komponen cadangan:
  a) Menanam pokok-pokok hutan yang mempunyai kadar penyerapan karbon yang tinggi di kawasan hutan terosot dan kawasan berhutan milik negeri. Contoh penyerapan karbon oleh pokok hutan:
     - Pokok Jelutong: 895 kg/pokok/tahun
     - Pokok Pulai: 3,432 kg/pokok/tahun
     - Pokok Kandis: 1,211 kg/pokok/tahun
     - Pokok Sentul: 2,530 kg/pokok/tahun
  b) Jabatan Perhutanan perlu mengiktiraf kedapatan HSK sebagai zon penyerap karbon yang menyumbang kepada perkhidmatan persekitaran terutama pelepasan oksigen.

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan : -

Keluasan : rujuk jadual **B-1.1.1**


FASA PEMBANGUNAN

FASA 1 (2019-2025)	FASA 2 (2026-2030)	FASA 3 (2031-2035)

AGENSI PELAKSANA


Jabatan Perhutanan Negeri/ Swasta

Rajah 5-1.2.3 Mengezon kawasan HSK dan berhutan sebagai zon penyerap karbon (*carbon sink*)



Jadual 5-1.1.1: Hutan Simpanan Kekal (HSK), 2018

HSK SEMASA	KELUASAN (HEKTAR)
1. HSK Bukit Tinggi	3,943.15
2. HSK Bukit Tinggi (Tambahan)	13,250.51
3. HSK Lentang	24,263.0
4. HSK Lentang (Tambahan)	13,860.15
5. HSK Kemasul	21,419.87
6. HSK Kemasul (Tambahan)	4,088.25
7. HSK Klau/Raka	988.45
8. HSK Klau/Raka (Tambahan)	40.99
9. HSK Batu Beras	310.78
10. HSK Lakum (Tambahan)*	601.01
JUMLAH	**82,766.16**



TINDAKAN

5-1.2(C) MEMINDAHKAN KAWASAN TANAMAN HALIA BENTONG SECARA BERKELOMPOK

SASARAN

Pengekalan keluasan HSK yang dilitupi pokok-pokok hutan (82,766.16 hektar).

DESKRIPSI CADANGAN

- Jabatan Perhutanan mengesyorkan agar kawasan tanaman halia Bentong dihentikan operasinya yang berada dalam HSK Lentang; tiada lagi pengeluaran permit baru.
- Jabatan Perhutanan perlu mengawal pemegang permit sedia ada melalui permohonan Kebenaran Merancang (KM) pertanian untuk mengurangkan masalah penerokaan KSAS Sektoral HSK.
- Jabatan Pertanian telah mengenalpasti kawasan seluas 25.14 hektar sebagai kawasan tanaman halia berkelompok. Manakala kawasan tanaman yang lama perlu ditanam semula dengan pokok-pokok hutan untuk mengatasi kawasan hutan terosot.
- Mengamalkan kaedah pertanian mampan seperti: sistem pertanian organik melalui penggunaan racun serangga dan baja organik, teknologi penanaman halia secara fertigasi, pengurangan penggunaan racun perosak dan penyakit, serta kecekapan penggunaan tanah.

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan : HSK Bukit Tinggi di Bukit Tinggi

Keluasan : 25.14 hektar

FASA PEMBANGUNAN

FASA 1 (2019-2025)	FASA 2 (2026-2030)	FASA 3 (2031-2035)

AGENSI PELAKSANA

Jabatan Perhutanan Negeri/ Swasta

Rajah 5-1.2.4 Lokasi tanaman halia berkelompok



PETUNJUK

Indikatif kawasan tanaman halia



Lokasi tanaman halia Bentong di Bukit Tinggi yang berhampiran dengan laluan LPT.

TINDAKAN

5-1.2(D) MEMANTAU PEMBANGUNAN DI KAWASAN JANDA BAIK DAN BUKIT TINGGI YANG BERISIKO GEMPA BUMI

SARAN

Tidak membangunakan kediaman berkepadatan sederhana dan tinggi di laluan garis sesar ini.

DESKRIPSI CADANGAN


- Pemasangan peralatan dan perkakasan teknologi yang sesuai untuk mengesan aktiviti gerakan bawah tanah yang mencetuskan gempa bumi di pusat kawasan bencana untuk Daerah Bentong (Cadangan lokasi: SK Janda Baik, Goh Tong dan Bukit Tinggi)


- Untuk mengesan pergerakan bawah tanah sebagai langkah memberi amaran awal kepada penduduk., di antara perkakasan dan peralatan yang sesuai ialah alat seismometer dan broadband seismograf.

- Kakitangan agensi terlibat perlu diberi latihan untuk membaca data statistik dan memantau situasi risiko bencana.


- Pemetaan terperinci kawasan laluan garis sesar perlu dibuat untuk tujuan pemantauan aktiviti gerakan bawah tanah.

Rajah 5-1.2.5 Kawasan Laluan Garis Sesar Gempa Bumi





Smartphone sebagai pendeteksi gempa



Broadband seismograf



Alat seismometer yang mencatatkan bacaan skala Ritcher

Terdapat 3 stesen pengesan gegaran gempa bumi yang terdapat dalam Daerah Bentong:

a) Janda Baik
b) Goh Tong Jaya
c) Bukit Tinggi

Contoh gambaran peralatan dan teknologi yang boleh digunapakai di dalam memantau pergerakan seismologi di Bentong.

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan : Janda Baik dan Bukit Tinggi

Blok Perancangan Kecil : -

No. Lot: -

Keluasan :

FASA PEMBANGUNAN

FASA 1 (2019-2025)	FASA 2 (2026-2030)	FASA 3 (2031-2035)

AGENSI PELAKSANA

Jabatan Mineral dan Geosains
Jabatan Meteorologi

TINDAKAN

5-1.3(A) MEMANTAU KUALITI AIR SUNGAI DI HULU SUNGAI BENTONG SERTA RANGKAIAN ANAK-ANAK SUNGAI

SASARAN

Bacaan IKA berada pada bacaan melebihi 92 IKA untuk mencapai air bersih bersih (Kelas 1)

DESKRIPSI CADANGAN

- Mengawal selia perjalanan semua aktiviti yang tertakluk kepada EIA yang mengeluarkan efluen ke dalam anak sungai supaya sentiasa berada pada tahap status bersih (IKA melebihi 80)
- Mengurus kawasan riparian sungai (anjakan 200 meter) sebagai kawasan KSAS tahap 2 (sensitiviti sederhana).
- Mengawal aktiviti pembukaan tanah untuk semua tujuan termasuk pembalakan berlesen, akuakultur dan pelancongan oleh semua pihak, termasuk Pihak Berkuasa Negeri, menurut keperluan penyediaan laporan EIA.
- Lokasi persampelan: Sg Benus (3 stesen), Sg Bentong (1 stesen), Sg Perting (1 stesen), Sg Klau (2 stesen), dan Sg Triang (2 stesen).
- Kaedah bacaan: IKA bulanan serta 6 indikator IKA (pH, pepejal terampai (SS), permrintaan oksigen biokimia (BOD), permintaan oksigen kimia (COD), oksigen terlarut (DO) dan nitrogen ammonia (AN).

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan : -

Blok Perancangan Kecil : -

No. Lot: -

Keluasan : -


FASA PEMBANGUNAN

FASA 1 (2019-2025)	FASA 2 (2026-2030)	FASA 3 (2031-2035)

AGENSI PELAKSANA

Jabatan Alam Sekitar

Rajah 5-1.3.1 Program Kawalan Kualiti Air Sungai di Rangkaian Sungai Bentong



PETUNJUK

- Sungai Utama
- Anak-anak Sungai
- Program kawalan di hulu sungai
- Arah aliran air sungai
- Sempadan Daerah
- Sempadan Negeri



Keadaan semasa Sungai Sum Sum di Janda Baik yang digunakan untuk aktiviti rekreasi



Keadaan semasa Sungai Telemong yang keruh.

TINDAKAN

5-1.3(B) MENYEDIAKAN STESEN PENGAWASAN UDARA DI KAWASAN PERINDUSTRIAN BENTONG

SASARAN

Bacaan IPU untuk udara baik (0-50 IPU) mencatatkan sebanyak 200 hari.

DESKRIPSI CADANGAN

- Penyediaan fasiliti stesen pengawasan kualiti udara di kawasan perindustrian Bentong 1 yang berhampiran dengan kawasan kediaman untuk mencerap bacaan parameter IPU (PM2.5).

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan : -

Blok Perancangan Kecil : -

No. Lot: -

Keluasan : -

FASA PEMBANGUNAN

FASA 1 (2019-2025)	FASA 2 (2026-2030)	FASA 3 (2031-2035)


AGENSI PELAKSANA

Jabatan Alam Sekitar



Contoh stesen pengawasan kualiti udara

Rajah 5-1.3.2 Cadangan Pemasangan Stesen Pengawasan Kualiti Udara di Kawasan Perindustrian Bentong 1



PETUNJUK

- Industri
- Badan air
- Jalan Raya
- Sempadan Blok Perancangan
- Sempadan Daerah
- Sempadan Negeri





Kawasan Perindustrian Bentong 1

TINDAKAN

5-1.3(C) MENYEDIAKAN KAWALAN PERANGKAP SAMPAH, TAPISAN MINYAK DAN PUNCA PENCEMARAN

SASARAN

Tiada lagi pembuangan sampah sarap, efluen dan kumbahan yang ketara dan mampu merendahkan kualiti air.

DESKRIPSI CADANGAN

- Meletakkan syarat penyediaan perangkap sampah mesti dinyatakan sebagai syarat di dalam proses kebenaran merancang untuk dipenuhi oleh pemaju/kontraktor/pengusaha restoran dan hotel di kawasan perumahan dan perniagaan.
- Menyediakan fasiliti perangkap sampah di outlet yang sesuai.
- Kerjasama dari pemaju, pengusaha, pemilik restoran adalah perlu untuk tujuan pemasangan dan penggunaan kaedah yang sesuai.

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan : -

Blok Perancangan Kecil : -

No. Lot: -

Keluasan : -

FASA PEMBANGUNAN

FASA 1 (2019-2025)	FASA 2 (2026-2030)	FASA 3 (2031-2035)

AGENSI PELAKSANA

Majlis Perbandaran Bentong
Pemaju Projek
Swasta

Rajah 5-1.3.3 Cadangan Program Kawalan Perangkap Sampah, Tapisan Minyak dan Gris



Contoh pemasangan tapisan minyak & gris



Contoh pemasangan tapisan minyak & gris





Contoh perangkap sampah



Contoh perangkap sampah

TINDAKAN

5-1.3(D) PROGRAM KAWALAN PENCEMARAN DARI KAWASAN PERINDUSTRIAN, PERUMAHAN DAN PERNIAGAAN

SASARAN

Kawasan perumahan, perniagaan dan perindustrian yang mesra alam.

DESKRIPSI CADANGAN

- Menggalakkan penggunaan '*grasscrete*' di kawasan parkir kereta untuk mengurangkan kawasan berturap dan menyerap air larian permukaan
- Menyediakan tong sampah dan tong kitar semula di tempat strategik seperti pusat perniagaan di bandar
- Mengawal had bunyi maksimum bagi kenderaan bermotor.
- Menambahkan kawasan hijau seperti hutan bandar, '*pocket park*' dan lingkaran hijau untuk memerangkap habuk dan seterusnya meningkatkan kualiti udara ambien.
- Mengawal pembinaan dan perletakan gerai/bazaar, kiosk dan '*food truck*'.
- Menyelenggara jalan dan sistem perparitan bandar secara berkala.
- Menyediakan laluan pejalan kaki dan laluan sikal yang bersambung di kawasan perbandaran dan perumahan.

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan : -

Blok Perancangan Kecil : -

No. Lot: -

Keluasan : -


FASA PEMBANGUNAN

FASA 1 (2019-2025)	FASA 2 (2026-2030)	FASA 3 (2031-2035)

AGENSI PELAKSANA

Jabatan Alam Sekitar
Majlis Perbandaran Bentong

Rajah 5-1.3.4 Program Kawalan Pencemaran dari Kawasan Perindustrian, Perumahan dan Perniagaan



PETUNJUK

- Perumahan
- Institusi dan kemudahan masyarakat
- Komersial
- Industri
- Pertanian
- Tanah kosong
- Tanah lapang dan rekreasi
- Infrastruktur dan utiliti
- Hutan
- Badan air
- Jalan Raya
- Sempadan Blok Perancangan



Penyediaan *grasscrete* di kawasan parkir kereta yang mesra alam




Penyediaan jaringan hijau di sepanjang jalan masuk utama ke kawasan perindstrian dengan penanaman pokok teduhan yang memberi '*sense of welcoming*'



Penyediaan laluan sikal di kawasan perumahan



Perniagaan *food truck* yang mesti dikawal untuk mengurangkan kacau ganggu umum seperti kebisingan dan kebersihan



Contoh keratan rentas landskap zon penampan di kawasan industri dengan kawasan perumahan

Sumber: GPP NEGERI PAHANG

TINDAKAN

5-1.3(E) MEMANTAU OPERASI AKTIVITI YANG BERPOTENSI SEBAGAI PUNCA PENCEMARAN SEPERTI LADANG TERNAKAN AYAM DAN AKUAKULTUR

SASARAN

Tiada lagi pembuangan sampah sarap, efluen dan kumbahan yang ketara dan mampu merendahkan kualiti air.

DESKRIPSI CADANGAN

- Menggalakkan pengusaha untuk menyediakan sistem reban ayam tertutup dari jenis:
  a) Ventilasi terowong,
  b) Ventilasi terowong dan pelembapan udara masuk,
  c) Ventilasi terowong dan semburan air sepanjang bahagian dalam paksi memanjang reban.
- Melarang lokasi ternakan ayam berhampiran dengan kawasan kediaman dan seharusnya dalam kawasan pertanian.
- Menyediakan zon penampan (300m) di antara kawasan ternakan dengan kawasan perumahan untuk mengurangkan kesan pencemaran dan kacauganggu (bau busuk).
- Pengusaha akuakultur perlu mengamalkan teknikal kejuruteraan akuakultur yang baik dalam menguruskan ternakan yang kemas dan teratur.
- Pematuhaan terhadap sijil *Good Aquaculture Practice* (GAP).
- Lokasi reban ternakan: di Mukim Sabai
- Lokasi akuakultur : 3 di Mukim Pelangai, 11 di Mukim Sabai dan 13 di Mukim Bentong, cadangan projek akuakultur yang baru di Empangan Perting, Empangan Poh dan Empangan Tasik Mahkota Simpang Pelangai.

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan : -

Blok Perancangan Kecil : -

No. Lot: -

Keluasan : -

FASA PEMBANGUNAN

FASA 1 (2019-2025)	FASA 2 (2026-2030)	FASA 3 (2031-2035)

AGENSI PELAKSANA

Jabatan Veterinar

Rajah 5-1.3.5 Cadangan Program Kawalan Ternakan Ayam dan Akuakultur



Contoh gambaran amalan penternakan ayam yang baik yang lebih mesra alam.



Sistem pengudaraan yang baik untuk ternakan akuakultur perlu disediakan.



Ternakan akuakultur di Telemong.

- Pengusaha akuakultur perlu mengamalkan teknikal kejuruteraan akuakultur yang baik dalam menguruskan ternakan yang kemas dan teratur.
- Kaedah akuakultur yang boleh diamalkan:
  a) Penggunaan kolam tanah
  b) Tangki simen
  c) Tangki konkrit
  d) Tangki kanvas
  e) Tangki sistem akuakultur kitar semula (RAS)
  f) Sangkar
  g) Kepungan (*pen-culture*)
  h) Para dan rakit

- Mempunyai kolam untuk rawatan kumbahan sesuai dengan saiz kawasan ternakan.
- Mempunyai sistem air masuk dan keluar yang berasingan.
- Air yang berkeladak/berlumpur hendaklah dienapkan dahulu dalam kolam takungan untuk tempoh yang sesuai.
- Air kumbahan dari sistem ternakan perlu dirawat dahulu sebelum dialirkan ke alur air umum.
- Bentuk dan saiz kolam hendaklah memudahkan pengurusan air dan ternakan.
- Kaedah pengudaraan air perlulah sesuai dengan sistem ternakan.
- Penggunaan bahan-bahan rawatan air perlu menggunakankan kaedah yang betul.

TINDAKAN

5-1.4(A) TINDAKAN MENGURUS DAN MENGURANGKAN RISIKO BENCANA

SASARAN

Menjelang 2035, risiko bencana dikurangkan

DESKRIPSI CADANGAN

- Pengurusan dan pengurangan risiko bencana di Daerah Bentong perlu diberi keutamaan melalui kaedah pencegahan supaya dapat mengurangkan risiko bencana yang disebabkan oleh bencana alam seperti gempa bumi, tanah runtuh dan banjir

- Faktor lain yang mendorong risiko bencana adalah disebabkan oleh faktor topografi, geologi, pengaruh iklim serta aktiviti pembangunan guna tanah.

- Empat tindakan keutamaan pengurusan dan pengurangan risiko bencana :
  a) Memahami risiko bencana
  b) Memperkukuh urus tadbir
  c) Meningkatkan pelaburan ke arah pengurangan risiko bencana
  d) Mempertingkat kesiapsiagaan

Rajah 5-1.4.1 Cadangan Tindakan Mengurus dan Mengurangkan Risiko Bencana

Memahami Risiko Bencana 1

1. Analisis **bahaya dan kerapuhan**.
2. Penyediaan **peta risiko**.
3. Meningkatkan **ketersediaan data pengurusan sosio ekonomi**
4. Mengenalpasti **aktiviti guna tanah** dan **kawalan pembangunan**
5. **Kesiapsiagaan dalam menangani bencana** dengan mengadakan pelan kecemasan bandar, membangunkan system pengurusan risiko bencana, mewujudkan pusat maklumat, pengumpulan , operasi dan pemulihan bencana di kawasan yang terdedah risiko bencana.
6. Menggunapakai **garis panduan dan manual** sedia ada.

Memperkukuh Urus Tadbir 2

1. Mengambilkira Disaster Risk Reduction (DRR)
2. Larangan pembinaan di KSAS dan kawasan risiko bencana
3. Pengagihan dan penyesuaian kepadatan penduduk dalam kawasan-kawasan rapuh
4. Pengagihan guna tanah untuk kemudahan awam dan fasiliti utama berpandukan strategi DRR
5. Penguatkuasaan terhadap aktiviti haram
6. Sistem pemantauan berkala terhadap kawasan-kawasan rapuh melalui penilaian Climate Disaster Risk Initiative (CDRI)

Mempertingkat Kesiapsiagaan 3

1. Penyediaan **zon penampan**.
2. Kawasan hijau sebagai kawasan penampan atau **ruang evakuasi**
3. Penyediaan **pusat pemindahan dan perkhidmatan mangsa bencana**
4. **Kursus dan latihan** kepada kakitangan bagi tujuan bantuan ketika bencana.
5. **Penyertaan awam** dalam aspek *communication, education and public awareness (CEPA).*
6. Keberkesanan **sistem amaran awal**.
7. Memperuntukkan ruang bagi **pusat pentadbiran dan operasi kecemasan.**

Meningkatkan Pelaburan Ke Arah Pengurangan Risiko Bencana 4

1. **Pembinaan kejuruteraan** yang dapat mengelak bencana (di kawasan yang bercerun)
2. Pembinaan bangunan-bangunan tinggi perlu **mengambilkira ketahanan struktur bangunan** tersebut
3. Rekabentuk tahan gempa bagi **engineered building** dibina di kawasan yang dikenalpasti terdedah kepada garis sesar
   - Pembangunan yang akan dibangunkan perlu merujuk kepada nilai (g) yang telah dikenalpasti di dalam Peta Bahaya Gempa Bumi dan kategori bangunan yang akan dibina di kawasan tersebut.

Importance Class	Importance Factor	Recommended building categories	National Design PGA (g's)	
			Peninsular Malaysia/Sarawak	Sabah
I	0.8	Minor constructions	0.06 (0.8 x 0.07)	0.1 (0.8 x 0.12)
II	1.0	Ordinary buildings (Individu dwellings or shops in low rise buildings)	0.07 (475 years return period)	0.12 (475 years return period)
III	1.2	Buildings of large occupancies (condominiums, shopping centre, school and public buildings)	0.08 (1.2 x 0.07)	0.14 (1.2 x 0.12)
IV	1.5	Lifeline built facilities (hospitals, emergency services, power plants and communication facilities)	0.10 (2,475 years return period)	0.18 (2,475 years return period)

TINDAKAN

5-1.4(B) CADANGAN PEMULIHARAAN KAWASAN CERUN-CERUN BERISIKO

SASARAN


Pengurusan bencana tanah runtuh/gelinciran untuk kawasan terancam iaitu di Genting Highlands dan Bukit Tinggi

DESKRIPSI CADANGAN

- Dalam proses pemuliharaan cerun di kawasan tanah tinggi, terdapat empat kaedah kawalan cerun:
  a) Penanaman tumbuhan tutup bumi-permukaan cerun yang ditanam dengan tumbuhan pokok renek adalah lebih baik berbanding dengan penggunaan rumput.
  b) Pembinaan struktur tembok bertingkat
  c) Pembinaan longkang terbuka meneruni cerun ke kawasan saliran utama diperlukan bagi menahan dan mengelakkan air dari mengalir ke kawasan tanah yang lebih rendah.
  d) Pembinaan perlindungan tapak daripada konkrit atau batuan bagi menampung daya beban yang dihasilkan oleh cerun


- Antara langkah lain bagi pengawalan kawasan bercerun yang melebihi 25° adalah menstabilkan cerun melalui kerja-kerja pemotongan bagi bahagian-bahagian yang curam

Rajah 5-1.4.2 Cadangan Pemuliharaan Kawasan Cerun-cerun Berisiko



PETUNJUK

- Kecerunan < 20°
- Kecerunan <20° - <35
- Kecerunan > 35°
- Sempadan Daerah Bentong
- Lebuhraya



Cadangan pemuliharaan kawasan cerun-cerun berisiko

TINDAKAN

5-1.4(C) PENYEDIAAN PELAN KELANGSUNGAN PERKHIDMATAN *(BUSINESS CONTINUITY PLAN)*

SASARAN

Mengurangkan kerugian ekonomi yang tinggi selepas bencana menjelang 2035

DESKRIPSI CADANGAN

- Pelan kelangsungan perkhidmatan penting dalam mengatasi kesan ekonomi akibat bencana (nilai wang) serta proses pemulihan ekonomi (tempoh kembali pulih).

- Terdapat empat fasa pengurusan bencana:
  a) Mitigasi bencana
  b) Kesiapsiagaan menghadapi bencana
  c) Pemulihan aktiviti ekonomi dan perniagaan
  d) Tindak balas

Jadual 5-1.4.3: Cadangan Penyediaan Pelan Kelangsungan Perkhidmatan

BIL	STRATEGI	LANGKAH
1	**Mitigasi Bencana**	
	Merujuk kepada langkah-langkah pencegahan sebelum bencana untuk memastikan keadaan kecemasan boleh dielak dan kesan bencana dapat dikurangkan.	1. Langkah dan tindakan kawal selia terhadap bangunan dan struktur serta prasarana sedia ada. 2. Pelan guna tanah untuk aktiviti ekonomi dan komersil hendaklah mengambilkira kemungkinan bencana dan mengelak dari penggunaan tanah ekonomi di kawasan terdedah risiko bencana. 3. Penempatan semula perniagaan yang beroperasi di kawasan yang mempumyai risiko bencana yang tinggi. 4. Kawal selia tebing dan cerun bukit secara berkala dan berterusan oleh agensi yang terlibat supaya dapat memastikan kemungkinan tanah runtuh dapat ditangani. 5. Memaklumkan pihak awam untuk memastikan sekiranya bencana berlaku, kesan ke atas mereka adalah minimum.
2	**Kesiapsiagaan Menghadapi Bencana**	
	Kerajaan perlu melibatkan pihak swasta khususnya penggiat aktiviti ekonomi dalam merangka pelan persedian	1. Menubuhkan pasukan tindakan pemulihan ekonomi yang diterajui oleh usahawan/peniaga. 2. Menyediakan pelan pengekalan semasa bencana dan pemulihan selepas bencana untuk aktiviti ekonomi dan perniagaan 3. Inventori sumber ekonomi seperti merancanag apa yang perlu dibuat dan agihan sumber selepas bencana. 4. Kenalpasti keperluan komuniti perniagaan dan industri 5. Pelan urusan semasa bencana 6. Menarik khidmat agensi kewangan dan insurans
3	**Pemulihan Aktiviti Ekonomi Dan Perniagaan**	
- Sempadan Negeri



LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan
BP1

Blok Perancangan Kecil
BPK1.1b

No. Lot
583

Keluasan
0.82 hektar

FASA PEMBANGUNAN

FASA 2 (2026-2030)

AGENSI PELAKSANA

Agensi Pengangkutan Awam/ Swasta/ Majlis Perbandaran Bentong (MPB)

TINDAKAN

5-2.15(A) PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN LALU LINTAS

SASARAN

Mengatasi sepenuhnya isu kesakan lalu lintas di Pusat Bandar Bentong

DESKRIPSI CADANGAN

- Cadangan ini bertujuan memperbaiki persimpangan yang mengalami kesesakan disamping mengurangkan konflik lalulintas dan melicinkan lagi pergerakan lalulintas.
- Menyusun semula sistem sirkulasi jalan Bandar Bentong
- Menyediakan TLK berpusat yang mencukupi
- Menyediakan papan tanda yang bersesuai.
- Melaksanakan tindakan *Traffic Calming* dalam kawasan pusat bandar dan kawasan perumahan
  a) Menggunapakai elemen reka bentuk bandar dan landskap
  b) Melebarkan ruang pejalan kaki
  c) Penggunaan ruang yang sama antara pejalan kaki/kereta

Cadangan Alternatif Jambatan Kedua di Bandar Bentong (Taman Bukit Indah ke Kg. Perting)

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan : BP1 dan BP 2

Blok Perancangan Kecil : BPK1.1a dan BPK2.1


FASA PEMBANGUNAN


FASA 1 (2019-2025)	FASA 2 (2026-2030)	FASA 3 (2031-2035)

AGENSI PELAKSANA

Majlis Perbandaran Bentong (MPB)/ Jabatan Kerja Raya (JKR)/ Swasta


Rajah 5-2.15.1 Cadangan penambahbaikan pengurusan lalu lintas di Bandar Bentong





Bentong Walk

Rajah 5-2.15.2 Cadangan penambahbaikan pengurusan lalu lintas di Pekan Karak



TINDAKAN

5-2.15(B) MEMBINA LALUAN PEJALAN KAKI DAN BASIKAL

SASARAN


Kemudahan laluan pejalan kaki yang menyeluruh dalam Pusat Bandar Bentong

DESKRIPSI CADANGAN

- Cadangan laluan pejalan kaki dan laluan basikal adalah penting berikutan rangkaian pejalan kaki yang tidak menyeluruh di kawasan pusat bandar Bentong

- Cadangan ini termasuklah:
  a) Menyediakan laluan dan lintasan pejalan kaki
  b) Lintasan pejalan kaki disediakan apabila isi padu lalu lintas, pejalan kaki dan kapasiti simpang adalah tinggi
  c) Bagi jalan berkembar 6 lorong, jejantas pejalan kaki perlu dipertimbangkan
  d) Jarak minimum di antara dua jejantas ialah 400m
  e) Bagi mengelakkan pejalan kaki melintas di atas jalan, satu pengadang (barrier) sejauh 75m di kedua-dua arah disediakan
  f) Reka bentuk laluan pejalan kaki dan basikal mesti megikut kepda piawaian yang ditetapkan oleh Arahan Teknik Jalan 8/86 (Pindaan 2015) yang baru.

Rajah 5-2.15.3 Cadangan laluan pejalan kaki dan basikal di Bandar Bentong



Cadangan Laluan Pejalan Kaki

Segmen & Laluan	Panjang (km)	Fasa Pembangunan
(1) Jalan Ketari	1.70	FASA 1 (2019-2025)
(2) Jalan Ah Peng	1.54	FASA 1 (2019-2025)
(3) Jalan Loke Yew	1.53	FASA 1 (2019-2025)
(4) Jalan Padang	0.34	FASA 2 (2026-2030)
(5) Jalan TRAS ke Desa Damai	3.23	FASA 2 (2026-2030)





Ilustrasi Cadangan Laluan Pejalan Kaki dan Basikal Di Bandar Bentong

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan : BP1 dan BP 2

Blok Perancangan Kecil : BPK1.1a dan BPK2.1

FASA PEMBANGUNAN


FASA 1 (2019-2025)	FASA 2 (2026-2030)	FASA 3 (2031-2035)

AGENSI PELAKSANA

Majlis Perbandaran Bentong (MPB)/ Jabatan Kerja Raya (JKR)/ Swasta

Pekan Karak

Rajah 5-2.15.4 Cadangan laluan pejalan kaki dan basikal di Pekan Karak





Ilustrasi Cadangan Laluan Pejalan Kaki dan Basikal Di Pekan Karak

CADANGAN LALUAN PEJALAN KAKI

Segmen & Laluan	Panjang (km)	Fasa Pembangunan
(1) Jalan Lama Bentong – Karak 1	3.12	FASA 1 (2019-2025)
(2) Jalan Masuk ke Taman Karak Indah	1.07	FASA 1 (2019-2025)
(3) Jalan Lama Bentong – Karak 3	1.12	FASA 2 (2026-2030)
(4) Jalan Lama Bentong – Karak 4	0.42	FASA 2 (2026-2030)

THIS PAGE IS INTENTIONALLY LEFT BLANK

TERAS 3



PEMBANGUNAN EKONOMI, PELANCONGAN DAN BANDAR BERDAYA MAJU



	STRATEGI		TINDAKAN	OUTCOME
5-3.1	**MENJADIKAN BENTONG SEBAGAI BANDAR PELANCONGAN BERTANAH TINGGI YANG BERATARAF ANTARABANGSA**	**5-3.1 (A)**	**Mengintegrasikan pusat tumpuan pelancong dalam Daerah Bentong**	Mencapai 6,472,148 jumlah kedatangan pelancong ke daerah Bentong pada tahun 2035
5-3.2	**MEWUJUDKAN DAN MEMBANGUNKAN TARIKAN PRODUK PELANCONGAN BARU**	**5-3.2 (A)**	**Membangunkan produk pelancongan kesihatan Fresh Air Lung Washing di Bukit Tinggi dan Janda Baik**	Memperluas kumpulan sasaran pelancong dan aktiviti pelancongan di Bentong
		5-3.2 (B)	**Menyediakan Fruit Valley Farm sebagai satu produk agro pelancongan dalam daerah Bentong**	
		5-3.2 (C)	**Mewujudkan Bentong Discovery Centre di Bukit Tinggi**	
5-3.3	**MENGANTARABANGSAKAN PRODUK EKO PELANCONGAN DI BENTONG**	**5-3.3 (A)**	**Mewujudkan Muzium Hidup (*The Living Museum*) di Janda Baik**	Menjadikan Janda Baik produk pelancongan bertaraf antarabangsa di Bentong seiring dengan Genting Highland dan Bukit Tinggi
		5-3.3 (B)	**Meningkatkan dan mempromosikan program *Smart Homestay* di Janda Baik**	
		5-3.3 (C)	**Menyediakan pusat perkhidmatan sokongan pelancongan di Janda Baik**	
5-3.4	**MENINGKATKAN TARIKAN DAN KUALITI PRODUK PELANCONGAN SEDIA ADA BAGI MEMANFAATKAN SUMBERJAYA SEMULAJADI DI BENTONG**	**5-3.4 (A)**	**Menaiktaraf dan memperkukuh kemudahan asas dan sokongan produk pelancongan di bentong**	Menjadikan Bentong sebagai satu destinasi eko pelancongan yang berkualiti dan terkemuka
5-3.5	**MEMPELBAGAI KAEDAH PROMOSI PRODUK PELANCONGAN SERTA MENAWARKAN PAKEJ PELANCONGAN YANG MENARIK KEPADA PELANCONG DOMESTIK DAN ANTARABANGSA**	**5-3.5 (A)**	**Meningkatkan usaha pemasaran dan promosi bagi setiap produk pelancongan**	Mewujudkan satu platform utama dan bersepadu dalam mempromosi produk pelancongan di Bentong
		5-3.5 (B)	**Menyediakan *Tourism Trail* & pakej pelancongan**	Mewujudkan laluan khas pelancongan yang komprehensif bagi menghubungkan dan memperkenalkan produk-produk pelancongan utama di Daerah Bentong
5-3.6	**MENJADIKAN BENTONG SEBAGAI SEBUAH 'ECO CITY' YANG KOMPLEKS, MENARIK DAN BERIDENTITI**	**5-3.6 (A)**	**Menekankan dan mengintegrasikan konsep eko dalam pembaharuan dan pemulihan bandar Bentong**	Mempertingkatkan identiti dan imej Bentong sebagai pusat bandar yang kompleks dan menarik
5-3.7	**MENINGKATKAN IDENTITI BANDAR MELALUI PEMBAHARUAN SEMULA BANDAR**	**5-3.7 (A)**	**Mewujudkan kompleks pembangunan bercampur di kawasan Hospital Bentong lama**	Menjadikan Bentong sebuah pusat bandar yang menarik dan beridentiti
		5-3.7 (B)	**Membangunkan semula Pasar Bentong**	
		5-3.7 (C)	**Menaiktaraf bangunan Vega Mall Bentong kepada bangunan hotel**	
5-3.8	**MENINGKATKAN IMEJ DAN IDENTITI RUPA BENTUK BANDAR**	**5-3.8 (A)**	**Meningkatkan identiti dan imej rupa bentuk Pusat Bandar Bentong**	Menjadikan daerah Bentong sebagai sebuah daerah yang mempunyai identiti tersendiri dan unik
		5-3.8 (B)	**Mewujudkan identiti dan imej rupa bentuk Bandar Baru Bentong sebagai Bandar Satelit**	
		5-3.8 (C)	**Penghijauan dan penanaman pokok kawasan Bandar Baru Bentong**	
		5-3.8 (D)	**Meningkatkan identiti dan imej rupa bentuk Pusat Bandar Karak**	
5-3.9	**MENAIKTARAF PEMBANGUNAN PERSISIRAN SUNGAI SEBAGAI *RIVER OF LIFE***	**5-3.9 (A)**	**Menaiktaraf pembangunan persisiran Sungai Bentong dan Sungai Benus dalam pusat bandar**	Menjadikan Bentong sebagai satu daerah yang mempunyai pelbagai sumber semulajadi yang masih terpelihara
		5-3.9 (B)	**Menaiktaraf landskap persisiran Sungai Bentong dalam Pusat Bandar**	

	STRATEGI		TINDAKAN	OUTCOME
5-3.10	**MENINGKATKAN ELEMEN PENGINDAHAN, KEBERSIHAN DAN MEWUJUDKAN PERSEKITARAN BANDAR SELAMAT**	**5-3.10(A)**	**Peningkatan imej landskap jalan utama dan pokok rasmi di Daerah Bentong**	✓ Mewujudkan persekitaran bandar yang indah dengan mengoptimumkan penyediaan kawasan hijau serta mengaplikasikan garis panduan bandar selamat. ✓ Meningkatkan usaha pemeliharaan sungai dan alam semulajadi dalam Daerah Bentong. ✓ Bagi menyediakan tambahan kawasan lapang dan rekreasi pada tahun2035.
		5-3.10(B)	**Penghijauan dan penanaman pokok kawasan Bandar Bentong**	
		5-3.10(C)	**Penghijauan dan penanaman pokok kawasan Pekan Karak**	
		5-3.10(D)	**Cadangan Taman Rekreasi Kampung Benus**	
		5-3.10(E)	**Cadangan Taman Awam Tok Muda**	
		5-3.10(F)	**Cadangan Taman Rekreasi Janda Baik**	
		5-3.10(G)	**Pemuliharaan kawasan landskap geologi semulajadi**	
		5-3.10(H)	**Pengindahan dan peningkatan landskap bandar**	
5-3.11	**MERANCANG PUSAT PEMASARAN HASIL AGRO DI KAWASAN YANG STRATEGIK**	**5-3-11**	**Pusat Pemasaran dan Pasar Tani komuniti di pusat-pusat bandar utama**	Penyediaan pusat pengumpulan jualan hasil tani secara sistematik.
5-3.12	**MENINGKATKAN INOVASI DAN PRODUKTIVITI DALAM SEKTOR PERTANIAN**	**5-3-12(A)**	**Cadangan Pembangunan Dan Penyelidikan (R&D) di Jambu Rias**	✓ Meningkatkan peranan Pembangunan dan Penyelidikan (R&D) dalam meningkatkan produktiviti tanaman makanan. ✓ Meningkatkan pengeluaran hasil tanaman komoditi getah dan kelapa sawit. ✓ Pemajuan aktiviti akuakultur secara sistematik. ✓ Memberi pulangan ekonomi yang baik kepada pengusaha. ✓ Memastikan kawasan padang ragut dimajukan.
		5-3-12(B)	**Meningkatkan produktiviti tanaman kelapa sawit dan getah melalui penanaman semula**	
		5-3-12(C)	**Pemajuan aktiviti akuakultur**	
		5-3-12(D)	**Menggalakkan projek integrasi pertanian dan penternakan di kawasan padang ragut**	
		5-3-12(E)	**Memperkasa TKPM Lebu dan memajukan Projek Agropolitan Chemomoi**	
5-3.13	**MENJADIKAN DAERAH BENTONG SEBAGAI PUSAT PENGELUARAN HASIL PERTANIAN SIHAT**	**5-3-13**	**Cadangan Zon Pengeluaran Hasil Pertanian Sihat**	

THIS PAGE IS INTENTIONALLY LEFT BLANK

TINDAKAN

5-3.1(A)

MENGINTEGRASIKAN PUSAT TUMPUAN PELANCONG DALAM DAERAH BENTONG

SASARAN

Mencapai 6,472,148 jumlah kedatangan pelancong ke daerah Bentong pada tahun 2035

DESKRIPSI CADANGAN

Genting Highland
(International Economic Tourism)

- 3 komponen utama dalam Genting Highland termasuklah:
  a) Theme park
  b) Perdagangan
  c) Perhotelan
- Mengambil kira cadangan Genting *Integrated Tourism Plan (GITP)*


Bukit Tinggi
(Health Tourism dan Institusi)

- Mempertingkatkan aktiviti berkaitan health tourism di Bukit Tinggi seperti:
  a) Fresh Air Lung Washing (rujuk cadangan B-3.2A)
- Mengambil kira garis panduan dan komponen bagi aktiviti *recuperation* dan sokongan perubatan

Janda Baik
(Eko Pelancongan dan Kerohanian)

- Menjadikan Janda Baik sebagai produk eko pelancongan bertaraf antarabangsa di Bentong
  a) The Living Museum (rujuk cadangan B-3.3A)
  b) Program Smart Kampung Homestay (rujuk cadangan B-3.3B)
  c) Pusat perkhidmatan sokongan pelancong (rujuk cadangan B-3.3C)
  d) Segmen koridor sungai (Riverine Chalet)

Rajah 5-3.1.1 Taburan produk pelancongan dalam daerah Bentong



PETUNJUK

- Cadangan konsep pelancongan utama daerah Bentong
- Cadangan produk pelancongan baru
- Cadangan menaiktaraf kemudahan produk pelancongan sedia ada

Lain-Lain

- Rangkaian jalan utama
- Sempadan daerah
- Sempadan blok perancangan

TINDAKAN

5-3.2(A) MEMBANGUNKAN PRODUK PELANCONGAN KESIHATAN *FRESH AIR LUNG WASHING* DI BUKIT TINGGI DAN JANDA BAIK


SASARAN

Memperluas kumpulan sasaran pelancong dan aktiviti pelancongan di Bentong

DESKRIPSI CADANGAN

- Memberikan pilihan yang luas kepada pelancong yang mencari kawasan yang sesuai untuk aktiviti pemulihan kesihatan *(rest and recuperation)*
- Cadangan Fresh Air Lung Washing meliputi dua kawasan utama iaitu:
  a) Pakej *medical* (Bukit Tinggi)
     - Kemudahan hospital dan sokongan perubatan
     - Spa (pemulihan kesihatan)
     - Kawasan rekreasi (*recuperation*)
  b) Pakej *retreat* (Janda Baik)
     - Spa organik (berasaskan produk semulajadi)
     - Kawasan rekreasi (sukan, terapeutik, *recuperation*)
     - Kawasan perkelahan dan perkhemahan (termasuk *glamping*)
     - Festival tahunan bertemakan aktiviti rekreasi dan sukan
- Bagi pakej *medical*, dibenarkan juga di kawasan sekitar Bukit Tinggi yang bersesuaian dan mengambil kira kawalan pembangunan tanah tinggi
- Bagi pakej *retreat*, keseluruhan kawasan Janda Baik adalah bersesuaian untuk dijadikan kawasan rekreasi pemulihan retreat disebabkan oleh faktor alam semulajadinya yang masih terpelihara.

Rajah 5-3.2.1 Cadangan kawasan *Fresh Air Lung Washing* di Bentong



PETUNJUK

Cadangan kawasan utama *Fresh Air Lung Washing* Bentong
Cadangan kawasan yang berpotensi untuk *Fresh Air Lung Washing*

Lain-Lain
Rangkaian jalan utama
Sempadan daerah
Sempadan blok perancangan

Cadangan Pakej *Fresh Air Lung Washing* Bentong

Fresh Air Lung Washing di Malaysia adalah salah satu strategi pelancongan bagi menggalakkan pelancong dari bandar-bandar yang mengalami pencemaran udara untuk melawat ke Malaysia dan memberikan paru-parunya peluang untuk menghirup udara bersih untuk seketika. Selain itu, produk ini juga bertujuan untuk dijadikan satu destinasi bagi pesakit-pesakit yang memerlukan kawasan pemulihan (recuperation) di samping bergantung pada sokongan perubatan.





LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan
BP1

Blok Perancangan Kecil
BPK 1.7

No. Lot
9235, 9236, 9237, 9238, 40609

Keluasan
3.05 hektar

FASA PEMBANGUNAN

FASA 1 (2019-2025)

AGENSI PELAKSANA


Swasta

Komponen utama pakej *medical* Bukit Tinggi:

a) Kemudahan hospital dan sokongan perubatan
b) Spa (pemulihan kesihatan)
c) Kawasan rekreasi (*recuperation*)



Ilustrasi kawasan pakej *medical*



LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan
BP1

Blok Perancangan Kecil
BPK 1.8

Kawasan
Keseluruhan Janda Baik

FASA PEMBANGUNAN

FASA 1 (2019-2025)

AGENSI PELAKSANA

Swasta

Komponen utama pakej *retreat* Janda Baik:

a) Spa organik (berasaskan produk semulajadi)
b) Kawasan rekreasi (sukan, terapeutik, *recuperation*)
c) Kawasan perkelahan dan perkhemahan (termasuk *glamping*)
d) Festival tahunan bertemakan aktiviti rekreasi dan sukan



Ilustrasi kawasan pakej *retreat*

TINDAKAN

5-3.2(B) MENYEDIAKAN *FRUIT VALLEY FARM* SEBAGAI SATU PRODUK AGRO PELANCONGAN DALAM DAERAH BENTONG

SASARAN

Memperluas kumpulan sasaran pelancong dan aktiviti pelancongan di Bentong

DESKRIPSI CADANGAN


- Fruit Valley Farm merupakan satu zon yang merangkumi beberapa kelompok kawasan dusun tempatan. Terdapat dua zon yang dikenal pasti bersesuaian untuk dijadikan Fruit Valley Farm seperti di Rajah B-3.1.3

- Antara hasil dusun yang terdapat dalam kawasan ini termasuklah:
  a) Durian
  b) Tembikai
  c) Betik
  d) Halia
  e) Ladang Organik (Durian, Manggis)

- Antara aktiviti utama dalam *Fruit Valley Farm* Bentong adalah seperti berikut:
  a) Pusat informasi kepada hasil pertanian terutamanya buah-buahan
  b) Aktiviti perkelahan dan menikmati buah-buahan tempatan dalam kawasan dusun
  c) Aktiviti jualan hasil-hasil dusun

- Membenarkan juga pembangunan pusat peranginan dalam zon Fruit Valley Farm untuk menyokong agro pelancongan, serta mengambil kira kawalan pembangunan dalam kawasan tersebut.

Rajah 5-3.2.2 Cadangan Zon *Fruit Valley Farm* Bentong







Ilustrasi aktiviti dalam kawasan zon Fruit Valley Farm

PETUNJUK
- Pertanian
- Perumahan
- Komersial
- Institusi dan Kemudahan Masyarakat
- Badan Air
- Hutan
- Sempadan Zon *Fruit Valley Farm*
- Jalan Raya


Cadangan *Fruit Valley Farm* Bentong

Fruit Valley Farm merupakan satu zon khas bagi aktiviti agro pelancongan di Bentong, mempromosikan hasil dusun tempatan. Zon ini memberikan peluang kepada pelancong untuk menerokai ladang buah tropika yang luas di Bentong serta melakukan aktiviti-aktiviti yang menarik seperti perkelahan, membeli-belah dan sebagainya.









Zon 1

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan
BP1

Blok Perancangan Kecil
BPK 1.5


Keluasan
243.3144 hektar

FASA PEMBANGUNAN


FASA 1 (2019-2025)

AGENSI PELAKSANA

Swasta



Ilustrasi layout aktiviti dalam zon Fruit Valley Farm



Zon 2

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan
BP3

Blok Perancangan Kecil
BPK 1.5

Keluasan
299.7275 hektar

FASA PEMBANGUNAN

FASA 1 (2019-2025)

AGENSI PELAKSANA

Swasta



Ilustrasi layout aktiviti dalam zon Fruit Valley Farm

TINDAKAN

5-3.2(C) MEWUJUDKAN BENTONG *DISCOVERY CENTRE* DI BUKIT TINGGI

SASARAN

Memperluas kumpulan sasaran pelancong dan aktiviti pelancongan di Bentong

DESKRIPSI CADANGAN

- Aktiviti utama *Discovery Centre* Informasi Pelancongan Bentong adalah seperti berikut:
  a) Pusat informasi kepada produk-produk pelancongan dan hasil pertanian di Bentong
  b) Pameran berkaitan produk-produk pelancongan di Bentong
  c) Titik permulaan kepada *Tourism Trail* Daerah Bentong
- Dibenarkan juga di kawasan sekitar Bukit Tinggi yang bersesuaian dan mengambil kira kawalan pembangunan tanah tinggi

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan : BP1

Blok Perancangan Kecil : BPK 1.8

Keluasan : 5.90 hektar

FASA PEMBANGUNAN

FASA 1 (2019-2025)	FASA 2 (2026-2030)	FASA 3 (2031-2035)

AGENSI PELAKSANA

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia

Rajah 5-3.2.3 Cadangan layout Bentong *Discovery Centre* di Bukit Tinggi







Ilustrasi cadangan bangunan Bentong *Discovery Centre*



TINDAKAN

5-3.3(A)

MEWUJUDKAN MUZIUM HIDUP (*THE LIVING MUSEUM*) DI JANDA BAIK

SASARAN

Menjadikan Janda Baik produk pelancongan bertaraf antarabangsa di Bentong seiring dengan Genting Highland dan Bukit Tinggi

DESKRIPSI CADANGAN

- Muzium hidup ini akan memperkenalkan budaya Melayu Pahang (makanan, mainan tradisional, adat istiadat dll) serta perkampungan Orang Asli sebagai tarikan pelancong ke Janda Baik.

- Mempromosikan sejarah asal nama Janda Baik dengan menyediakan papan tanda informasi sejarah Janda Baik di pintu masuk kampung tradisi

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan : BP1

Blok Perancangan Kecil : BPK 1.8

Lokasi: Kg. Orang Asli Hulu Chemperoh, Kg. Chemperoh, Kg. Sum-Sum, Kg. Sum-Sum Hilir, & Kg. Janda Baik


FASA PEMBANGUNAN

FASA 1 (2019-2025)	FASA 2 (2026-2030)	FASA 3 (2031-2035)

AGENSI PELAKSANA

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Tourism Malaysia, Tourism Pahang, Swasta

Rajah 5-3.3.1 Cadangan kawasan *The Living Museum* di Janda Baik



PETUNJUK

- Pertanian
- Perumahan
- Badan Air
- Sempadan Janda Baik
- Cadangan The Living Museum

> Menurut sumber katanya nama "Janda baik" ini diambil daripada kisah sepasang suami isteri Orang Asal (asli) yang mendiami kawasan itu dan telah mengusahakan tanaman padi huma di lereng bukit tersebut. Mereka telah berpisah berikutan perselisihan faham, sebelum padi huma berbuah. Ketika padi huma berkenaan berbuah dan boleh dituai, pasangan tersebut telah datang semula ke kawasan itu dan bertemu di Pulau Santap. Mereka kemudian berbaik semula sebagai pasangan suami isteri. Mengambil kisah seorang janda berbaik semula dengan suaminya, maka kawasan itu dipanggil "Janda Baik"







TINDAKAN

5-3.3(B) MENINGKATKAN DAN MEMPROMOSIKAN PROGRAM SMART HOMESTAY DI JANDA BAIK

SASARAN

Menjadikan Janda Baik produk pelancongan bertaraf antarabangsa di Bentong seiring dengan Genting Highland dan Bukit Tinggi

DESKRIPSI CADANGAN

- Menyediakan satu aplikasi pintar bersepadu khas untuk program homestay
- Aplikasi yang mengumpulkan maklumat homestay di Janda Baik bagi memudahkan pelancong yang datang untuk mengetahui tarikan pelancongan yang ada di Janda Baik dan perkhidmatan yang telah disediakan bagi aktiviti-aktiviti homestay


FASA PEMBANGUNAN

FASA 1 (2019-2025)	FASA 2 (2026-2030)	FASA 3 (2031-2035)

AGENSI PELAKSANA

Tourism Pahang, Swasta

Rajah 5-3.3.2 Cadangan Program *Smart Homestay* di Janda Baik



PETUNJUK

- Program *Smart* Kampung Homestay Janda Baik
- Pertanian
- Perumahan
- Komersial
- Institusi dan Kemudahan Masyarakat
- Badan Air
- Hutan
- Jalan Raya
- Sempadan Janda Baik







TINDAKAN

5-3.3(C) MENYEDIAKAN PUSAT PERKHIDMATAN SOKONGAN PELANCONGAN DI JANDA BAIK

SASARAN

Menjadikan Janda Baik produk pelancongan bertaraf antarabangsa di Bentong seiring dengan Genting Highland dan Bukit Tinggi

DESKRIPSI CADANGAN

- Mewujudkan satu pusat perkhidmatan sokongan yang berfungsi sebagai pusat maklumat pelancong berkaitan pemandu pelancong, agensi pelancongan dan sebagainya
- Komponen utama dalam pusat perkhidmatan sokongan pelancong adalah:
  a) Pusat informasi berkaitan agensi dan produk pelancongan di Janda Baik
  b) Titik permulaan kepada jejak pelancongan dalam kawasan Janda Baik
- Pusat perkhidmatan ini bertujuan untuk memastikan industri pelancongan berfungsi secara berkesan dan mencapai kepuasan pelanggan
- Dibenarkan juga di kawasan sekitar Janda Baik yang bersesuaian dan mengambil kira kawalan pembangunan tanah tinggi

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan : BP1

Blok Perancangan Kecil : BPK 1.8

No. Lot: 5580, 5506

Keluasan : 4.18 hektar


FASA PEMBANGUNAN

FASA 1 (2019-2025)	FASA 2 (2026-2030)	FASA 3 (2031-2035)

AGENSI PELAKSANA

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia

Rajah 5-3.3.3 Cadangan susun atur pusat perkhidmatan sokongan pelancong Janda Baik







Ilustrasi aktiviti dalam pusat perkhidmatan sokongan pelancong Janda Baik

TINDAKAN

5-3.4(A) MENAIKTARAF DAN MEMPERKUKUH KEMUDAHAN ASAS DAN SOKONGAN PRODUK PELANCONGAN DI BENTONG

SASARAN


Menjadikan Bentong sebagai satu destinasi eko pelancongan yang berkualiti dan terkemuka

DESKRIPSI CADANGAN

Kawasan	Cadangan Kemudahan Asas	Aktiviti dan Program
• Air Terjun Gapoi • Air Terjun Sg Dua • Air Terjun Chamang • Lata Hammer	• Wakaf dan tempat duduk • Papan tanda informasi • Bilik mandi dan bilik persalinan • Surau • Tempat letak kenderaan • Trek pejalan kaki • Kiosk makanan	• Berkhemah • Berkelah • Kembara hutan • Memerhati flora dan fauna • *Nature walk* • Bermandi-manda
• Gua Cinta Manis	• Wakaf dan tempat duduk • Papan tanda informasi • Surau • Tandas awam • Tempat letak kenderaan	• Menerokai gua • Memerhati flora dan fauna • *Nature walk*

Rajah 5-3.4.1 Ilustrasi cadangan menaiktaraf Gua Cinta Manis dan Air Terjun Sg Dua







Air Terjun Sg Dua



Gua Cinta Manis



Air Terjun Gapoi

TINDAKAN

5-3.4(A) MENAIKTARAF DAN MEMPERKUKUH KEMUDAHAN ASAS DAN SOKONGAN PRODUK PELANCONGAN DI BENTONG

SASARAN

Menjadikan Bentong sebagai satu destinasi eko pelancongan yang berkualiti dan terkemuka

DESKRIPSI CADANGAN

Kawasan	Cadangan Kemudahan Asas	Aktiviti dan Program
• Dusun Eco Resort	• Wakaf dan tempat duduk • Papan tanda informasi • Kedai cenderamata	• Kembara hutan • Memerhati flora dan fauna • Berkhemah • Sukan/ rekreasi air • Sukan lasak/ *extreme* • *Nature walk*
• Tokong Kwong Fook	• Wakaf dan tempat duduk • Papan tanda informasi • Kedai cenderamata	• Aktiviti keagamaan • Melihat senibina bangunan tokong
• Muzium Felda Lurah Bilut	• Wakaf dan tempat duduk • Papan tanda informasi • Surau • Tandas awam • Tempat letak kenderaan	• Aktiviti melawat muzium dan mempelajari hal berkaitan agro dan sejarah tempatan lurah bilut
• Lurah Bilut Bee Valley Farm dan Extreme Park	• Wakaf dan tempat duduk • Papan tanda informasi • Tempat letak kenderaan • Trek pejalan kaki • Kiosk makanan • Bilik mandi dan bilik persalinan	• Aktiviti sukan lasak dan rekreasi • Melihat dan mempelajari berkaitan kehidupan lebah dan pembuatan madu lebah

Rajah 5-3.4.2 Ilustrasi cadangan menaiktaraf Tokong Kwong Fook dan Dusun Eco Resort





Ilustrasi penambahbaikan kawasan Tokong Kwong Fook







Ilustrasi penambahbaikan kawasan Dusun Eco Resort

TINDAKAN

B-3.4(A)

MENAIKTARAF DAN MEMPERKUKUH KEMUDAHAN ASAS DAN SOKONGAN PRODUK PELANCONGAN DI BENTONG

SASARAN

Menjadikan Bentong sebagai satu destinasi eko pelancongan yang berkualiti dan terkemuka

DESKRIPSI CADANGAN

Kawasan	Cadangan Kemudahan Asas	Aktiviti dan Program
• Kolam Air Panas Bentong	• Wakaf dan tempat duduk • Papan tanda informasi • Kedai cenderamata • Bilik mandi dan bilik persalinan	• Berkelah • Bermandi-manda

Rajah 5-3.4.3 Ilustrasi cadangan menaiktaraf Kolam Air Panas Bentong







Ilustrasi penambahbaikan kawasan Kolam Air Panas Bentong

TINDAKAN

5-3.5(A) MENINGKATKAN USAHA PEMASARAN DAN PROMOSI BAGI SETIAP PRODUK PELANCONGAN

SASARAN

Mewujudkan satu platform utama dan bersepadu dalam mempromosi produk pelancongan di Bentong

DESKRIPSI CADANGAN


- Antara usaha dan cara promosi yang boleh dilakukan adalah:

  a) Mengintegrasikan laman sesawang sedia ada produk pelancongan di Bentong (MOTAC, Tourism Pahang, MP Bentong), bagi mengiklankan produk-produk pelancongan di Bentong secara menyeluruh dan komprehensif.

  - Pakej pelancongan yang disediakan di Bentong
  - Informasi berkaitan setiap produk
  - Informasi berkaitan akses dan arah jalan
  - Aktiviti dan program ditawarkan

  b) Menggukakan kaedah kod QR di setiap papan tanda informasi produk-produk pelancongan dan kawasan strategik tumpuan pelancong

  - Memberikan pautan langsung kepada laman sesawang khas dan informasi berkaitan produk



Ilustrasi cadangan laman sesawang bersepadu untuk produk pelancongan Bentong



Ilustrasi kaedah QR Code yang boleh digunakan bagi mempromosikan produk pelancongan Bentong

FASA PEMBANGUNAN

FASA 1 (2019-2025)	FASA 2 (2026-2030)	FASA 3 (2031-2035)

AGENSI PELAKSANA

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Tourism Malaysia, Tourism Pahang, Majlis Perbandaran Bentong, Swasta

TINDAKAN

5-3.5(B) MENYEDIAKAN *TOURISM TRAIL* & PAKEJ PELANCONGAN


SASARAN

Mewujudkan laluan khas pelancongan yang komprehensif bagi menghubungkan dan memperkenalkan produk-produk pelancongan utama di Daerah Bentong

DESKRIPSI CADANGAN

- Cadangan jejak pelancongan di Bentong merangkumi pelbagai jenis produk pelancongan iaitu pelancongan eko, agro dan warisan.
- Produk pelancongan yang tersenarai dalam pakej jejak pelancongan Bentong ini adalah:
  a) Genting Highland
  b) Bukit Tinggi
  c) Janda Baik
  d) Eko Rimba Lentang
  e) Fruit Valley Farm
  f) Kolam Air Panas Bentong
  g) Air Terjun Chamang
  h) Muzium Felda Lurah Bilut
  i) Bilut Extreme Park
  j) Bilut Valley Bee Farm
  k) Air Terjun Sg Dua
  l) Air Terjun Sg Gapoi

Rajah 5-3.5.1 Cadangan *Tourism Trail* Bentong



AKTIVITI/PROGRAM TAHUNAN

NEGERI PAHANG 2018

JANUARI
- ✓ *Re-visit* Pahang
- ✓ Mount Tahan International Climbathon
- ✓ VIP Enduro Challenges
- ✓ Tioman Surfestival

FEBRUARI
- ✓ Appreciation Nite Visit
- ✓ Balok Wind Challenge
- ✓ Larian Negaraku

MAC
- ✓ Run Out Pahang Marathon
- ✓ Taman Negara Bird Count
- ✓ Bubble Camp
- ✓ LeTour de Langkawi
- ✓ Fraser's Hill Bird Race

APRIL
- ✓ Global Goals Community Run
- ✓ Karnival Masakan Lipis
- ✓ Merapoh MTB Fun Ride
- ✓ Engineer's Run
- ✓ Mardec Fun Run
- ✓ Pesta Chenor
- ✓ RFC Jamboree

MEI
- ✓ Matta Fair Pahang
- ✓ KP Half Marathon Charity Run

JUN
- ✓ Bazar Ramadhan Kuantan
- ✓ Rehogoh Merapoh Cave

JULAI
- ✓ Kejohanan Gasing Pangkah Tradisional
- ✓ Malaysia Breakfast Day
- ✓ Fraser's Hill Tristate Ultra Trail
- ✓ Merapoh Rock Climbing Camp
- ✓ Fiesta Lampu
- ✓ Jelajah Demi Kehidupan Liar
- ✓ Cameron Ultra Trail

OGOS
- ✓ Fiesta Makanan Tradisi Raub
- ✓ FGV Tekan Forest Trail
- ✓ Start in Tioman
- ✓ The Magnificent Merapoh Trail
- ✓ Safari Run
- ✓ Sambutan Hari Kebangsaan
- ✓ Nusa Nature Camp

SEPTEMBER
- ✓ Fraser 70 Ultra Marathon
- ✓ Royal Pahang Billfish International Challenge
- ✓ Malaysia Day Charity Run
- ✓ Teluk Chempedak Beach Challenge
- ✓ Festival Rompin
- ✓ Damansara Run 2.0

OKTOBER
- ✓ Save Merapoh Cave
- ✓ King of Sungai Lembing
- ✓ Lipis Fun Run
- ✓ Kejohanan Memanah Tradisional Pemantap
- ✓ Karnival Lipis

NOVEMBER
- ✓ Moh Ngemping
- ✓ Music on The Hill
- ✓ Monsun Mega Ride

DISEMBER
- ✓ Safari Grom Search
- ✓ Malaysia Open Surfing Competition Cherating
- ✓ Cherating International Surfing


Sumber: Tourism Pahang, 2018

FASA PEMBANGUNAN

FASA 1 (2019-2025)	FASA 2 (2026-2030)	FASA 3 (2031-2035)

AGENSI PELAKSANA

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Tourism Malaysia, Tourism Pahang, Majlis Perbandaran Bentong, Swasta


TOURISM TRAIL
Janda Baik
Jarak : 8.8 km
Masa : 17 minit
Janda Baik
Kolam Air Panas Bentong
Jarak : 16.8 km
Masa : 25 minit
Air Terjun Sg Dua
Jarak : 28.7 km
Masa : 31 minit
Air Terjun Sg Dua
Air Terjun Gapoi
Jarak : 35.6 km
Masa : 45 minit
Lurah Bilut Valley Bee Farm
Bilut Valley Bee Farm & Extreme Park
Jarak : 1.7 km
Masa : 3 minit
Muzium Felda Bilut
Jarak : 66.1 km
Masa : 1 jam 11 minit
Eko Rimba Lentang
Air Terjun Chamang
Jarak : 24.2 km
Masa : 30 minit
Fruit Valley Farm
Jarak : 17.4 km
Masa : 27 minit
Eko Rimba Lentang
Jarak : 15.2 km
Masa : 14 minit
Bukit Tinggi
Bukit Tinggi
Jarak : 12.5 km
Masa : 16 minit
Genting Highland
Genting Highlands
Jarak : 36.6 km
Masa : 51 minit

TINDAKAN

5-3.6(A) MENEKANKAN DAN MENGINTEGRASIKAN KONSEP EKO DALAM PEMBAHARUAN DAN PEMULIHAN BANDAR BENTONG

SASARAN

Mempertingkatkan identiti dan imej Bentong sebagai pusat bandar yang kompleks dan menarik

DESKRIPSI CADANGAN

- Memberi penekanan kepada pembangunan yang berkonsepkan eko dan alam semulajadi
- Memaksimumkan penggunaan ruang bandar dan bangunan-bangunan sedia ada dengan pembaharuan dan pemulihan pusat bandar

a) Pembaharuan semula bandar
   - Kompleks pembangunan bercampur di kawasan hospital Bentong lama
   - Pembangunan semula pasar Bentong
   - Menaiktaraf bangunan Vega Mall Bentong kepada bangunan hotel

b) Peningkatan identiti dan imej rupa bentuk pusat bandar dalam daerah Bentong
   - Pusat bandar Bentong
   - Pusat bandar baru Bentong
   - Pusat bandar Karak

c) Penaiktarafan pembangunan persisiran Sungai Bentong dan Sungai Benus dalam pusat bandar

Rajah 5-3.6.1 Cadangan pembaharuan dan pemulihan Bandar Bentong



TINDAKAN

5-3.7(A) MEWUJUDKAN KOMPLEKS PEMBANGUNAN BERCAMPUR DI KAWASAN HOSPITAL BENTONG LAMA

SASARAN

Menjadikan Bentong sebuah pusat bandar yang kompleks, menarik dan beridentiti

DESKRIPSI CADANGAN

- Pembangunan ini dijenamakan sebagai Bentong *City Centre* (BCC). Antara komponen utama dalam BCC adalah:
  a) Pejabat
  b) Ruang Komersial
  c) Hub IT
  d) Plaza
- Pembangunan baru hendaklah mengambil kira seni bina, fasad bangunan, ketinggian bangunan dan faktor-faktor lain yang mempengaruhi reka bentuk bandar di kawasan sekeliling.
- Mewujudkan bandar padat dan cekap, selesa dan menarik sebagai tempat yang berdaya maju untuk didiami.

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan : BP1

Blok Perancangan Kecil : BPK 1.1a

No. Lot: 1032

Keluasan : 2.72 hektar

FASA PEMBANGUNAN

FASA 1 (2019-2025)	FASA 2 (2026-2030)	FASA 3 (2031-2035)

AGENSI PELAKSANA

Majlis Perbandaran Bentong

Rajah 5-3.7.1 Ilustrasi cadangan Bentong *City Centre* (BCC)





Ilustrasi cadangan Bentong *City Centre* (BCC)

TINDAKAN

5-3.7(B) MEMBANGUNKAN SEMULA PASAR BENTONG

SASARAN

Meningkatkan kualiti rupa bentuk pusat bandar Bentong, aktiviti serta ekonomi penduduk setempat

DESKRIPSI CADANGAN

- Pembangunan ini dijenamakan sebagai Bentong *Central Market* (BCM). Antara komponen utama dalam BCM adalah:
  a) Ruang Komersial
  b) Plaza
- Pembangunan baru hendaklah mengambil kira seni bina, fasad bangunan, ketinggian bangunan dan faktor-faktor lain yang mempengaruhi reka bentuk bandar di kawasan sekeliling.
- Mewujudkan bandar padat dan cekap, selesa dan menarik sebagai tempat yang berdaya maju untuk didiami.

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan : BP1

Blok Perancangan Kecil : BPK 1.1a

No. Lot: 115

Keluasan : 0.47 hektar

FASA PEMBANGUNAN

FASA 1 (2019-2025)	FASA 2 (2026-2030)	FASA 3 (2031-2035)


AGENSI PELAKSANA

Majlis Perbandaran Bentong

Rajah 5-3.7.2 Ilustrasi cadangan Bentong *Central Market* (BCM)



Ilustrasi Bentong *Central Market*



Ilustrasi pelan tapak Bentong *Central Market*

TINDAKAN

5-3.7(C) MENAIKTARAF BANGUNAN VEGA MALL BENTONG KEPADA BANGUNAN HOTEL

SASARAN

Menjadikan Bentong sebuah pusat bandar yang kompleks, menarik dan beridentiti

DESKRIPSI CADANGAN

- Mengubah aktiviti bangunan Vega Mall Bentong kepada perhotelan dan penginapan
- Pembangunan baru hendaklah mengambil kira seni bina, fasad bangunan, ketinggian bangunan dan faktor-faktor lain yang mempengaruhi reka bentuk bandar di kawasan sekeliling.

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan : BP1

Blok Perancangan Kecil : BPK 1.1a

No. Lot: 2770

Keluasan : 0.86 hektar

FASA PEMBANGUNAN

FASA 1 (2019-2025)	FASA 2 (2026-2030)	FASA 3 (2031-2035)

AGENSI PELAKSANA

Majlis Perbandaran Bentong, Swasta

Rajah 5-3.7.3 Ilustrasi cadangan menaiktaraf bangunan Vega Mall Bentong kepada bangunan hotel





Ilustrasi cadangan bangunan hotel

TINDAKAN

5-3.8(A) MENINGKATKAN IDENTITI DAN IMEJ RUPA BENTUK PUSAT BANDAR BENTONG

SASARAN

Menjadikan daerah Bentong sebagai sebuah daerah yang mempunyai identiti tersendiri dan unik

DESKRIPSI CADANGAN

- Peningkatan elemen-elemen rekabentuk bandar, pintu masuk dan perabot jalan seperti siar kaki, lampu jalan, bangku, papan tanda dan arca hendaklah mengambil kira unsur-unsur eko dan warisan bagi menonjolkan lagi imej pusat bandar
- Menyediakan laluan pejalan kaki dan sikal yang komprehensif yang menghubungkan bangunan-bangunan dalam pusat bandar terutamanya dengan kawasan lapang
- Menaiktaraf Jalan Ah Peng untuk dijadikan Bentong Walk
- Memperbaiki fasad bangunan yang telah rosak dan usang terutamanya di sepanjang Jalan Ah Peng
- Mengecat semula bangunan yang mempunyai visual kualiti yang tidak menarik
- Menerapkan elemen bandar selamat dalam pusat bandar seperti:
  a) Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor
  b) Laluan awam tidak terlindung dari pandangan awam
  c) Tempat motosikal berkunci
  d) Pendidikan, kesedaran awam dan publisiti
  e) Cermin keselamatan
  f) Penyediaan balai polis bergerak
  g) Pemasangan kamera litar tertutup


FASA PEMBANGUNAN

FASA 1 (2019-2025)	FASA 2 (2026-2030)	FASA 3 (2031-2035)

AGENSI PELAKSANA

Majlis Perbandaran Bentong

Rajah 5-3.8.1 Cadangan peningkatan identiti dan imej Pusat Bandar Bentong













TINDAKAN

5-3.8(B)

MEWUJUDKAN IDENTITI DAN IMEJ RUPA BENTUK BANDAR BARU BENTONG SEBAGAI PUSAT PENTADBIRAN BARU

SASARAN

Menjadikan daerah Bentong sebagai sebuah daerah yang mempunyai identiti tersendiri dan unik

DESKRIPSI CADANGAN

- Bandar baru Bentong akan dijadikan sebagai bandar satelit kepada bandar Bentong bagi menampung pembangunan dan pertambahan penduduk pada masa akan datang.
- Penyediaan elemen-elemen rekabentuk bandar, pintu masuk dan perabot jalan seperti siar kaki, lampu jalan, bangku, papan tanda dan arca hendaklah mengambil kira unsur-unsur eko dan warisan bagi menonjolkan lagi imej pusat bandar.
- Menyediakan laluan pejalan kaki dan sikal yang komprehensif yang menghubungkan bangunan-bangunan dalam pusat bandar terutamanya dengan kawasan lapang
- Menerapkan elemen bandar selamat dalam pusat bandar seperti:
  a) Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor
  b) Laluan awam tidak terlindung dari pandangan awam
  c) Tempat motosikal berkunci
  d) Pendidikan, kesedaran awam dan publisiti
  e) Cermin keselamatan
  f) Penyediaan balai polis bergerak
  g) Pemasangan kamera litar tertutup


FASA PEMBANGUNAN

FASA 1 (2019-2025)	FASA 2 (2026-2030)	FASA 3 (2031-2035)

AGENSI PELAKSANA

Majlis Perbandaran Bentong

Rajah 5-3.8.2 Cadangan susun atur Pusat Pentadbiran Daerah Bentong



PETUNJUK

- Sungai
- Kawasan Lapang
- Jalan Raya
- Cadangan Arca
- Cadangan Gerbang Masuk
- Laluan Utama
- Sempadan Pusat Bandar



Ilustrasi pintu gerbang Pusat Pentadbiran Daerah Bentong

TINDAKAN

B-3.8(C) PENGHIJAUAN DAN PENANAMAN POKOK KAWASAN PUSAT PENTADBIRAN DAERAH BENTONG

SASARAN

Meningkatkan kualiti kemudahan awam serta perabot landskap yang sesuai bagi menampung keperluan pertambahan penduduk pada tahun 2035.

DESKRIPSI CADANGAN

- Bagi membentuk imej, identiti dan karakter yang tersendiri dengan gabungan elemen landskap lembut dan kejur yang menarik.
- Menaik taraf landskap jalan utama seperti di kawasan Bandar Baru Felda Jaya Mempaga melalui penerapan elemen landskap pinggir jalan seperti pokok teduhan, tanaman pokok renek dan sebagainya bagi menjamin keselesaan pengguna.
- Terdapat beberapa jenis pokok yang boleh dicadangkan antaranya ialah *Caesalpinia ferrea* (Brazillian Ironwood), Syzygium glaucum (Salam), *Mesua ferrea* (Penaga Lilin) dan sebagainya.

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan : BP 2 (Jalan Utama Mempaga)

Blok Perancangan Kecil : BPK 2.3

No. Lot: -

Keluasan : -

FASA PEMBANGUNAN

FASA 1 (2019-2025)	FASA 2 (2026-2030)	FASA 3 (2031-2035)

AGENSI PELAKSANA


Majlis Perbandaran Bentong (MPB)

Rajah 5-3.8.3 Cadangan penghijauan dan penanaman pokok kawasan Pusat Pentadbiran Daerah Bentong



PETUNJUK


- Badan Air
- Kawasan Lapang
- Jalan Raya
- Sempadan Bandar


Brazillian Ironwood


Pokok Salam


Penaga Lilin

Cadangan Menaiktaraf Jalan Utama di Bandar Baharu Bentong



Nota:
1: Tempat letak kereta (2.5m x 5.0m) 2: Laluan pejalan kaki (1.5m – 2.0m) 3: Pokok 4: Lampu dekoratif tempatan bermotif

TINDAKAN

5-3.8(D) MENINGKATKAN IDENTITI DAN IMEJ RUPA BENTUK PUSAT BANDAR KARAK

SASARAN

Menjadikan daerah Bentong sebagai sebuah daerah yang mempunyai identiti tersendiri dan unik

DESKRIPSI CADANGAN

- Peningkatan elemen-elemen rekabentuk bandar, pintu masuk dan perabot jalan seperti siar kaki, lampu jalan, bangku, papan tanda dan arca hendaklah mengambil kira unsur-unsur eko dan warisan bagi menonjolkan lagi imej pusat bandar
- Menyediakan laluan pejalan kaki dan sikal yang komprehensif yang menghubungkan bangunan-bangunan dalam pusat bandar terutamanya dengan kawasan lapang
- Memperbaiki fasad bangunan yang telah rosak dan usang
- Mengecat semula bangunan yang mempunyai visual kualiti yang tidak menarik
- Menerapkan elemen bandar selamat dalam pusat bandar seperti:
  a) Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor
  b) Laluan awam tidak terlindung dari pandangan awam
  c) Tempat motosikal berkunci
  d) Pendidikan, kesedaran awam dan publisiti
  e) Cermin keselamatan
  f) Penyediaan balai polis bergerak
  g) Pemasangan kamera litar tertutup


FASA PEMBANGUNAN

FASA 1 (2019-2025)	FASA 2 (2026-2030)	FASA 3 (2031-2035)

AGENSI PELAKSANA

Majlis Perbandaran Bentong

Rajah 5-3.8.4 Cadangan Peningkatan Identiti dan Imej Pusat Bandar Karak



PETUNJUK

- Sungai
- Kawasan Lapang
- Cadangan Pembaikan Fasad bangunan
- Cadangan Arca
- Cadangan Gerbang Masuk
- Laluan Utama
- Jalan Raya
- Sempadan Pusat Bandar







TINDAKAN

5-3.9(A) MENAIKTARAF PEMBANGUNAN PERSISIRAN SUNGAI BENTONG DAN SUNGAI BENUS DALAM PUSAT BANDAR

SASARAN

Menjadikan Bentong sebagai satu daerah yang mempunyai pelbagai sumber semulajadi yang masih terpelihara

DESKRIPSI CADANGAN

- Pusat bandar Bentong terkenal dengan identiti dan imej bandar sebagai pusat pelancongan eko. Oleh itu, pembangunan dalam pusat bandar perlu dinaiktaraf khususnya di sepanjang persisiran sungai bagi memelihara dan meningkatkan kualiti persekitaran pusat bandar.
  a) Mengawal pembangunan khususnya 100 meter penampan di sepanjang persisiran sungai
  b) Mempelbagai program di sekitar persisiran Sungai Bentong dan Sungai Benus untuk kegunaan penduduk dan pelancong

FASA PEMBANGUNAN

FASA 1 (2019-2025)	FASA 2 (2026-2030)	FASA 3 (2031-2035)

AGENSI PELAKSANA


Majlis Perbandaran Bentong

Rajah 5-3.9.1 Cadangan kawasan penampan bagi menaiktaraf pembangunan persisiran Sungai Bentong dan Sungai Benus









TINDAKAN

5-3.9(B) MENAIKTARAF LANDSKAP PERSISIRAN SUNGAI BENTONG DALAM PUSAT BANDAR

SASARAN

Menyediakan kemudahan rekreasi dan riadah yang mencukupi dan selesa serta memenuhi keperluan penduduk sekitarnya.

DESKRIPSI CADANGAN

- Mengenal pasti kawasan-kawasan semulajadi baru yang boleh menjadi tarikan kepada para pelancong.
- Cadangan menaiktaraf persisiran Sungai Bentong yang menghubungkan tiga (3) kawasan rekreasi utama di Bandar Bentong iaitu Dataran Bentong, Taman Sultan Abu Bakar dan Taman Rekreasi Sungai Marong sebagai *green corridor* kepada kawasan-kawasan sekitar dan berhampiran dengannya.
- Mengutamakan keperluan pengguna setempat dengan memberi tumpuan terhadap keseimbangan antara ruang bagi aktiviti aktif dan pasif dalam memberikan kepelbagaian ruang untuk aktiviti rehat, riadah, bersosial dan sebagainya.
- Penyediaan ameniti awam dan rekreasi aktif dan pasif yang lengkap akan memenuhi keperluan rekreasi setiap peringkat umur seperti penyediaan kawasan padang, *tensile* untuk teduhan, *boardwalk*, taman mini dan kiosk.

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan : BP 1

Blok Perancangan Kecil : A) BPK 1.1a B) BPK 1.5

No. Lot: -

Keluasan : A) 1.38 hektar B) 2.03 hektar


FASA PEMBANGUNAN


FASA 1 (2019-2025)	FASA 2 (2026-2030)	FASA 3 (2031-2035)

AGENSI PELAKSANA

Majlis Perbandaran Bentong (MPB)/ Jabatan Landskap Negara (JLN)

Rajah 5-3.9.2 Cadangan menaiktaraf landskap persisiran Sungai Bentong









Pengunjung boleh beristirehat bersama keluarga dan menjalankan aktiviti riadah di kawasan *boardwalk*



Taman permainan menjadi salah satu pelengkap kepada sesuatu pembangunan selain sebagai kawasan riadah



Decking dicadangkan di kawasan ini bagi memberi pengalaman kepada pengunjung untuk menikmati pemandangan kawasan sekitar.

TINDAKAN

5-3.10(A) PENINGKATAN IMEJ LANDSKAP JALAN UTAMA DAN POKOK RASMI DI DAERAH BENTONG

SASARAN

Pembangunan imej landskap di empat (4) pintu masuk dan jalan-jalan utama ke Daerah Bentong.

DESKRIPSI CADANGAN

- Pembangunan imej landskap jalan utama perlu diwujudkan bagi membentuk identiti dan karakter landskap yang tersendiri di Daerah Bentong.
- Cadangan peningkatan imej landskap jalan utama perlu mengambil kira pemilihan tanaman yang sesuai seperti berbatang tegak, mempunyai silara bertingkat untuk mewujudkan *sense of welcoming* dan berfungsi sebagai teduhan, pengadangan serta penjagaan tanaman yang minimum.
- Terdapat empat (4) pintu masuk ke Daerah Bentong iaitu:-
  - A. Felda Bilut
  - B. Jambu Rias
  - C. Genting Sempah
  - D. Simpang Pelangai

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan : -

Blok Perancangan Kecil : -

No. Lot: -

Keluasan : -


FASA PEMBANGUNAN

FASA 1 (2019-2025)	FASA 2 (2026-2030)	FASA 3 (2031-2035)

AGENSI PELAKSANA

Majlis Perbandaran Bentong (MPB)

Rajah 5-3.10.1 Cadangan peningkatan imej landskap jalan utama dan pokok rasmi di Daerah Bentong



PETUNJUK

- Lebuhraya
- Jalan Raya
- Sempadan Daerah
- Sempadan Negeri
- Laluan CSR
- Cadangan Keretapi Laluan Pantai Timur
- Jalan Utama
- Pintu Masuk



Caesalpinia ferrea (Brazilian Ironwood) | *Cinnamomum iners* (Kayu Manis Hutan) | *Syngium campanulatum* (Kelat Paya) | *Mesua ferrea* (Penaga Lilin)

POKOK RASMI MAJLIS PERBANDARAN BENTONG

- Merupakan pokok yang dapat menampilkan ciri-ciri yang selaras dengan konsep Bentong Daerah Hijau Permai.
- Pokok yang mempunyai ciri-ciri yang tahan lasak iaitu tahan dari kesan elemen-elemen cuaca tempatan dan serangan penyakit.
- Nama botani: *Shorea bentongensis*
- Nama tempatan: Meranti Putih
- *Family: Dipterocarpaceae*



TINDAKAN

5-3.10(B) PENGHIJAUAN DAN PENANAMAN POKOK KAWASAN BANDAR BENTONG

SASARAN

Meningkatkan kualiti kemudahan awam serta perabot landskap yang sesuai bagi menampung keperluan pertambahan penduduk pada tahun 2035.

DESKRIPSI CADANGAN

- Bagi membentuk imej, identiti dan karakter yang tersendiri dengan gabungan elemen landskap lembut dan kejur yang menarik.
- Menaik taraf landskap jalan-jalan utama di pusat bandar seperti di Jalan Ah Peng dan Jalan Loke Yew melalui penerapan elemen landskap lembut pokok teduhan dan penyediaan laluan pejalan kaki yang berkesinambungan.
- Penanaman pokok teduhan yang mempunyai struktur batang tegak serta mempunyai silara yang menarik memberi imej yang menarik selain memberikan impak formal kepada pengguna jalan raya.

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan : BP 1 (Jln Ah Peng & Jln Loke Yew)

Blok Perancangan Kecil : BPK 1.1a

No. Lot: -

Keluasan : -


FASA PEMBANGUNAN

FASA 1 (2019-2025)	FASA 2 (2026-2030)	FASA 3 (2031-2035)

AGENSI PELAKSANA

Majlis Perbandaran Bentong (MPB)


Rajah 5-3.10.2 Cadangan penghijauan dan penanaman pokok kawasan Bandar Bentong




PETUNJUK

- Badan Air
- Kawasan Lapang
- Jalan Raya
- Sempadan Bandar

PELAN LOKASI







Nota:
1: Tempat letak kereta (2.5m x 5.0m) 2: Laluan pejalan kaki (1.5m – 2.0m) 3: Pokok 4: Lampu dekoratif tempatan bermotif

TINDAKAN

5-3.10(C) PENGHIJAUAN DAN PENANAMAN POKOK KAWASAN PEKAN KARAK

SASARAN

Meningkatkan kualiti kemudahan awam serta perabot landskap yang sesuai bagi menampung keperluan pertambahan penduduk pada tahun 2035.

DESKRIPSI CADANGAN

- Bagi membentuk imej, identiti dan karakter yang tersendiri dengan gabungan elemen landskap lembut dan kejur yang menarik.
- Menaik taraf landskap jalan-jalan utama di Pekan Karak seperti di Jalan Lama Bentong-Karak melalui penerapan elemen landskap lembut pokok teduhan dan tumbuhan renek. Antara jenis pokok dan tumbuhan renek yang boleh dicadangkan adalah *Caesalpinia ferrea* (Brazillian Ironwood), *Eugenia oleina* (Kelat Paya) serta *Garcinia hombroniana* (Beruas).

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan : BP 2 (Jln Lama Bentong – Karak)

Blok Perancangan Kecil : BPK 2.1

No. Lot: -

Keluasan : -


FASA PEMBANGUNAN

FASA 1 (2019-2025)	FASA 2 (2026-2030)	FASA 3 (2031-2035)

AGENSI PELAKSANA

Majlis Perbandaran Bentong (MPB)


Rajah 5-3.10.3 Cadangan penghijauan dan penanaman pokok kawasan Pekan Karak



PETUNJUK

- Badan Air
- Kawasan Lapang
- Jalan Raya
- Sempadan Bandar

Cadangan Menaiktaraf Jalan Lama Bentong - Karak



Nota:
1: Tempat letak kereta (2.5m x 5.0m) 2: Laluan pejalan kaki (1.5m – 2.0m) 3: Pokok 4: Lampu dekoratif tempatan bermotif

TINDAKAN

5-3.10(D)

TAMAN REKREASI KAMPUNG BENUS

SASARAN

Menyediakan kemudahan rekreasi dan riadah yang mencukupi dan selesa serta memenuhi keperluan penduduk sekitarnya.

DESKRIPSI CADANGAN

- Mereka bentuk kawasan rekreasi yang dapat menampung keperluan pengunjung.
- Mempertingkatkan kemudahan dan utiliti semasa supaya memenuhi kehendak pengguna.
- Menggunakan pendekatan konsep *'Fun, Joyfull & Adventure Park'* dengan gabungan elemen-elemen semula jadi dan diserapkan ke dalam reka bentuk taman.
- Penyelenggaraan elemen landskap dan reka bentuk pembangunan yang tidak memberikan kesan negatif.
- Elemen landskap seperti pokok teduhan dan renek digunakan bagi pengindahan kawasan taman.

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan : BP1 (Kampung Benus)

Blok Perancangan Kecil : BPK 1.1b

No. Lot: 628

Keluasan : 8.7 hektar

FASA PEMBANGUNAN

